

BAB DUA

BAB II

WANITA: FAKTOR KEJADIAN DAN PERANAN

Pendahuluan

Persoalan wanita sering diperkatakan sejak dahulu hingga sekarang: berhubung asal-usul kejadian, kehormatan, taraf, hak-hak asasi dan kedudukan mereka baik dalam keluarga maupun masyarakat. Dalam hal ini, Islam sering dijadikan mangsa tohmannan oleh golongan anti Islam atau juga disebabkan kekeliruan mereka terhadap *taṣawwur Islam* yang sebenar.¹ Mereka menuduh wanita Islam tidak diberi hak-hak serta memainkan peranan mereka dengan sewajarnya. Mereka menganggap wanita Islam sering ditindas, dihina, disekat kebebasan, wujud diskriminasi hak antara lelaki dan wanita. Pelbagai isu berkenaan wanita disuarakan untuk memburuk-burukkan Islam: Kerjaya, kebebasan berpakaian, kebebasan sosial, pergaulan, hal kesaksian dan lain-lain. Tuduhan-tuduhan tersebut perlu diperjelaskan dengan kekuatan hujjah dan praktik. Sebenarnya telah banyak penulisan berkenaan hal-ehwal wanita dikemukakan oleh para ulama dan ilmuwan yang menyentuh asal usul kejadian, fitrah, kedudukan, hak-hak dan peranan berdasarkan dalil naqli dan dalil aqli.²

¹ Lihat artikel Stephen Glover (2001), ‘Barat dan Islam sangat berbeza: Perang Dua Tamaddun?’, CABARAN, 1 Nov 2001/ 15 Syaaban 1422H Bil.25 Tahun 2, h. 11. Artikel ini adalah salah satu daripada gambaran kekeliruan dan kejahanan terhadap kedudukan wanita dalam Islam.

² Antaranya ialah: Yusuf al-Qaradawi (Prof.Dr)(2000), *Martabat Wanita Di Dalam Islam*, Mohammad Zaini Bin Yahaya (terj.), Batu Caves: Pustaka Ilmi. Afzalur Rahman (1994), *Muhammad S.A.W., Ensiklopedia Sirah: Peranan Wanita Islam*, Zaleha Ahmad et al. (terj.), j. 5. c. 2. Kuala Lumpur: DBP. M. Quraish Shihab (Dr.)(t.t), *Membumikan al-Quran: Fungsi Dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*. c. 13. (T.T.P): Penerbit Mizan. Haji Harun Taib (t.t), *Muslimat Pembangun Ummah*, (T.T.P): Lujnah Tarbiyyah Dan Latihan Kepimpinan PAS Pusat. Muṣṭafā al-Sibā'i (Dr.)(1975), *al-Mar'ah bayna al-Fiqh wa al-Qānūn*, c. 4. Beirut-Dimasyq: al-Maktab al-Islāmī.

Penulisan tersebut dibuat secara khusus semata-mata kerana mahu mengembalikan maruah wanita sebagaimana yang telah diiktiraf Islam. Kedudukan wanita turut disentuh dari sudut aspek perbandingan antara agama dan antara peradaban dunia bagi menjelaskan lagi keunggulan dan kesempurnaan peraturan Islam berkaitan hak-hak wanita. Walaupun begitu, topik ini penting dimasukkan ke dalam penulisan ini memandangkan kaitannya dengan tajuk yang lebih spesifik iaitu kesaksian wanita. Oleh kerana ayat 282 dari Surah al-Baqarah menyingsing secara langsung berkenaan kemungkinan sifat lupa pada saksi wanita, maka penulisan ini akan menitik beratkan fakta anatomi, fisiologi dan psikologi wanita bagi mengenal pasti kemampuan sebenar mereka dalam hal tersebut.

Sebelum itu eloklah kita meninjau terlebih dahulu pandangan peradaban yang pernah mencipta sejarah dunia dan agama selain Islam terhadap jatidiri wanita agar kita dapat menghargai apa yang telah diperjuangkan oleh Khatam al-Anbiyā' S.A.W sebagai satu peraturan hidup terbaik, mampu menyelesaikan sebarang masalah dan sempurna dari setiap sudut.

1 : Martabat Wanita Menurut Peradaban Dunia Selain Islam

Seseorang itu tidak mengenali Islam selagimana dia tidak mengenali jahiliyah. Justeru, penting bagi kita mengenali terlebih dahulu situasi wanita di zaman jahiliyah. Kemudiannya akan disusuli dengan kedudukan wanita dalam Islam agar keindahan ajaran Islam lebih terserlah dan nyata.

1.1. Pengertian Jahiliyah

Perkataan jahiliyah yang dinisbahkan kepada zaman telah diistilahkan oleh ayat 33, Surah al-Aḥzāb yang berbunyi:

وَلَا تَبَرُّ حَنَدَ شَرِيعَةَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى

Maksud:

“....dan janganlah kamu berhias dan bertingkahlaku (*tabarruj*) seperti orang-orang jahiliyah dahulu (*pertama*)”

Surah al-Aḥzāb (33): 33

Asal perkataan Jahiliyah diambil dari kata ‘جهل’ (*jahala*) yang bermaksud lawan kepada ilmu³ iaitu tiada pengetahuan. Al-Rāghib al-Asfahāni mengategorikan perkataan *al-Jahl* kepada 3 makna iaitu yang pertama: Jiwa yang sunyi daripada ilmu. Kedua: Keyakinan pada sesuatu yang salah. Ketiga: Melakukan sesuatu yang bertentangan dengan hak-hak yang sebenar.⁴ Tafsiran al-Asfahāni ini didapati menepati dengan konsep jahiliyah yang dikemukakan oleh ayat 154 Surah Āli ‘Imrān, ayat 50 Surah al-Mā’idah dan ayat 26 Surah al-Fath.

Ibnu Manzūr menulis di dalam *Lisān al-‘Arab*: ‘Jahiliyah’ ialah satu tempoh masa yang tiada Islam padanya⁵ atau zaman di antara dua rasul. Para *mufassirin* pula berittifikasi bahawa zaman jahiliyah yang dimaksudkan oleh ayat 33 Surah al-Aḥzāb dirujukkan kepada suatu tempoh masa sebelum kedatangan Islam yang dibawa oleh

³ Abū al-Faḍīl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukram Ibnu Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *Lisān al-‘Arab*, j. 2, c. 3. Beirut: Dar Sader Publishers, h. 129

⁴ Abī al-Qāsim al-Ḥusayn bin Muḥammad al-Rāghib al-Asfahāni (t.t), *al-Mufradāt fī Gharib al-Qur’ān*, (taḥqīq wa ḥabṭ: Muḥammad Sayyid Kīlānī), Beirut: Dar El-Marefah, h. 102

⁵ Ibnu Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1994), *op.cit.*, h. 130

Nabi Muhammad S.A.W⁶ sekalipun mereka berbeza pendapat dalam menentukan *fatrah* tersebut.⁷ Apa yang penting ialah mereka yang hidup di zaman jahiliyah terdapat ciri-ciri atau amalan tertentu yang tercela serta hina pada pandangan Islam maupun jika dinisbahkan kepada naluri kemanusiaan itu sendiri selagi mereka berfikir dengan akal yang waras. Oleh sebab itulah Allah S.W.T menyatakan: “... dan janganlah kamu berhias dan bertingkahlaku (*tabarruj*) seperti orang-orang jahiliyah dahulu (pertama)”. Al-Quran juga telah menyebut ‘*jāhiliyyah al-ūlā*’ iaitu jahiliyah dahulu/pertama. Ini bererti keadaan jahiliyah tersebut akan terus wujud pada sifat serta ciri-cirinya walaupun selepas kedatangan Muhammad S.A.W sebagai rasul.⁸

1.2. Wanita Jahiliyah Dan Ciri-cirinya

Berdasarkan takrifan yang diberikan dan tafsiran ulama berkenaan jahiliyah maka dapat difahami bahawa wanita jahiliyah yang dimaksudkan ialah yang pernah hidup di satu zaman dikenali sebagai zaman jahiliyah:

⁶ Sila lihat Muhammad b. ‘Ali b. Muhammad al-Sywakānⁱ (1992), *Fath al-Qadīr*, j. 4. Beirut: Dār El-Khoir, h. 319 & 323. HAMKA, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Prof. Dr.) (1982), *Tafsir al-Azhar*, Juzuk 22. Jakarta: Pustaka Panjimas, h. 24 - 25. Abi Ja‘far Muhammad bin Jarir al-Tabari (1993), *Mukhtaṣar Tafsīr al-Ṭabarī*, (Ikhtiṣār wa tabqīq: al-Sayykh Muhammad ‘Alī al-Ṣābi‘ī dan Dr. Sāliḥ Aḥmad Rīḍā), j. 2. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 207. Sayyid Qutb (1992), *op.cit.*, j. 5. h. 2858. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. ‘Umar b. al-Husayn Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1995), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 9. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 167

⁷ *Tafsīr al-Qurtubī* menyebut perbezaan pendapat mengenainya: Al-Ḥakam bin ‘Uyaynah mengatakan masa di antara Adam dan Nuh a.s. Ibn ‘Abbās berpendapat: Masa di antara Nuh dan Idris a.s. Al-Kalbī: Masa di antara Nuh dan Ibrahim a.s. Jamā‘ah: Masa di antara Musa dan Isa a.s. Abū ‘Aliyah: Masa di antara Daud dan Sulaiman a.s. Al-Sya‘bī: Masa di antara Isa a.s dan Muhammad s.a.w. Namun semua pendapat di atas tidak didasarkan kepada sumber yang sahih dan kukuh. Apa yang pasti ialah mereka bersepakat zaman tersebut ialah zaman sebelum Nabi Muhammad diutus menjadi rasul. Lihat Abu ‘Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1988), *al-Jāmi‘ li Āḥkām al-Qur’ān*, j. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 117-118.

⁸ Abū Ja‘far Muḥammad b. Jarir al-Tabarī (1995), *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān*, j. 12. Beirut: Dār al-Fikr, h. 7.

Yakni sebelum kebangkitan Muhammad S.A.W sebagai rasul. Zaman tersebut bukanlah semasa bumi dimakmurkan dengan ajaran para rasul dan nabi sebelum Muhammad S.A.W tetapi suatu tempoh (*fatrah*) antara nabi-nabi yang dipenuhi dengan perbuatan munkar serta tidak bertamadun. Mereka hidup dalam kegelapan dan berpaling dari suluhan wahyu yang ditinggalkan oleh nabi-nabi sebelum mereka atau mereka memutarbelikan ajaran-ajaran rasul terdahulu. Mereka mengenepikan akhlak yang baik bahkan hidup memuja hawa nafsu dan syaitan.⁹ Mereka mempunyai ciri-ciri tertentu yang dicela oleh agama dan akal yang waras.

Wanita jahiliyah yang dimaksudkan terus wujud hingga sekarang (iaitu selepas kedatangan Islam) berdasarkan kepada ciri-ciri persamaan yang ada antara mereka kecuali wanita itu sendiri, masyarakat dan daulah beriltizam dengan ajaran Islam. Kita akan cuba meneliti ciri-ciri wanita jahiliyah dari perspektif peradaban.

1.2.1. Wanita Di Kacamata Peradaban Mesir Kuno¹⁰

Mesir yang terkenal dengan perlumbangan Nil pernah masyhur suatu ketika dahulu. Kerajaannya besar dan teguh. Lembah-lembah Sungai Nil begitu subur dengan pelbagai hasil tanaman. Bukan itu sahaja, bahkan Kerajaan Mesir terkenal dengan teknologi binaan piramid dan mengawet mumia yang mengagumkan dunia sehingga sekarang. Taraf hidup kaum wanita di zaman tersebut adalah seperti yang tercatat di bawah ini.

⁹ *Ibid.*, h. 7 & 8

¹⁰ ‘Ali ‘Abd al-Ḥalīm Mahmud (Dr.) (t.t), *al-Mar’ah al-Muslimah wa Fiqh al-Da’wah ila Allāh*, Al-Mansūrah: Dār al-Wafā’, h. 21- 23.

Mereka masih berasib baik kerana diberi hak memiliki harta, mewarisi serta diwarisi, menguasai rumahtangga dan kadang-kadang menguasai suami. Mereka juga bebas membeli-belah tanpa pengiring dan senjata di tangan. Namun di sebalik sedikit kebebasan, apa yang ditemui di dalam istana ialah raja mengahwini saudara perempuan dan kadang-kadang anak peremuannya sendiri. Raja boleh memiliki serta menggauli sebanyak mana perempuan yang dia mahu yang terdiri dari darah dagingnya sendiri maupun tawanan perang. Keadaan sedemikian tidak terhenti setakat itu sahaja bahkan rakyat menurut agama raja-raja mereka. Para menteri, bangsawan dan rakyat yang berkemampuan turut mencontohi perbuatan raja mereka. Mereka begitu tamak dalam memiliki perempuan dan menjadi hamba seks.

Antara ciri-ciri lain yang pernah dicatatkan oleh ahli sejarah ialah;

1. Kaum wanita meminang lelaki.
2. Perbincangan mengenai seks dilakukan secara terang-terangan tanpa segan silu.
3. Hubungan jenis antara lelaki dan perempuan sebelum kahwin adalah perkara biasa.
4. Penari-penari bogel dipandang tinggi oleh masyarakat tanpa rasa hina.
5. Terdapat juga kefasikan yang dilakukan atas nama agama oleh tokoh-tokoh agama pada masa itu.
6. Wanita memakai pewarna pipi berwarna merah, lipstik dan mewarnakan kuku (dengan perkataan lain: bersolek). Kadang-kadang mereka berjalan dalam keadaan telanjang atau menutup tubuh di antara pusat dengan lutut sahaja.

Amalan-amalan sebegini diiktiraf oleh pakar sejarah barat seperti Will Durant sebagai kebebasan yang sepatutnya dirasai oleh kaum wanita.

1.2.2. Wanita Di Kacamata Peradaban Babylon Dan Asyur¹¹

Tamadun Babylon terkenal di bidang pertanian, industri, kejuruteraan, perubatan, sastera dan kesenian. Ia banyak mewarisi daripada tamadun Mesir. Pada zaman ini juga, terdapat kemajuan dalam bidang ilmu falak, perubatan, ilmu bahasa dan ilmu undang-undang. Daripada mereka, orang-orang Yunani belajar atas ilmu matematik. Kedudukan wanita di dalam tamadun yang berkembang pesat dengan pelbagai ilmu pengetahuan ini seperti berikut:

1. Wanita setaraf dengan barang dagangan yang boleh dijual beli. Mereka tidak berhak menolak orang yang membeli mereka kerana diharamkan undang-undang.
2. Orang-orang Babylon juga mengharuskan hubungan jenis sebelum kahwin. Ianya dianggap sebagai perkahwinan percubaan yang boleh diakhiri oleh mana-mana pihak bila dia mahu.
3. Wanita yang kehilangan suami untuk suatu tempoh yang lama dan tiada nafkah yang ditinggalkan, maka dia boleh tinggal dengan lelaki lain sehingga dia kembali kepada suami yang asal selepas kepulangannya.
4. Hak talak dimiliki oleh suami semata-mata. Sebab-sebab berlaku talak boleh jadi berpunca daripada hal yang remeh sahaja seperti cuai dalam menguruskan rumah tangga, menurut Kanun Hamurabi isteri yang cuai tadi wajib dilontarkan ke dalam air.

¹¹ *Ibid.*, h. 24 - 27

5. Mana-mana wanita yang ingin berlindung di bawah naungan suaminya perlu melakukan banyak pekerjaan. Antaranya adalah pekerjaan yang berat-berat seperti mengangkut air daripada sungai atau telaga awam, membuat gandum, memasak, memintal benang, membersihkan rumah disamping mengandung, melahirkan, mengurus serta mendidik anak-anak.
6. Apabila berlaku kekurangan makanan, para suami akan mencekik leher isterinya.

Kedudukan wanita di sisi Kaum Asyur pula tidaklah lebih baik dari tamadun Babylon. Tamadun Asyur amat mementingkan sistem ketenteraan yang agak keras. Oleh kerana itulah menggugurkan kandungan dianggap kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman mati. Bagi wanita yang meninggal semasa menjalani proses pengguguran akan dibakar mayatnya. Tindakan keras diambil kerana mereka mengharapkan penambahan kuantiti tentera dengan setiap kelahiran baru. Antara amalan lain yang dilakukan terhadap kaum wanita ialah;

1. Mana-mana wanita yang memukul suaminya akan dikenakan hukuman keras.
2. Kaum wanita yang telah berkahwin dikenakan syarat yang ketat untuk memelihara maruah mereka. Sedangkan kaum lelaki tidak perlu berbuat demikian.
3. Perempuan yang sudah berkahwin juga tidak dibenarkan keluar ke tempat awam tanpa hijab.
4. Para isteri dikehendaki tinggal bersama bapa mereka. Manakala suami mereka akan menziarahi mereka bila-bila masa yang dikehendaki.

1.2.3. Wanita Di Kacamata Peradaban China¹²

Secara umumnya, Peradaban China merupakan tamadun kuno jika dibandingkan dengan Peradaban Babylon, Asyur dan Yunani. Ia terkenal di bidang syair, kesenian membuat tembikar dan seni ukiran. Bangsa China amat menitik beratkan keturunan yang ramai. Peraturan ini berterusan untuk satu jangka masa yang lama sehingga bangkitnya Mao Tze Tung dan fahaman komunisnya pada tahun 1949 Masihi. Justeru kita dapat lihat ramai dari bangsa China bertaburan ke seluruh pelusuk dunia.

Walaupun begitu, kaum wanita yang memainkan peranan melahirkan anak tidak diberi penghormatan dan layanan sewajarnya. Amalan menjadikan wanita sebagai hamba seks juga terdapat di dalam tamadun ini. Mereka dijadikan hidangan kepada para musafir atau tetamu asing untuk memuaskan hawa nafsu mereka. Amalan tersebut diiktiraf oleh kerajaan. Oleh kerana menjadi adat dan peraturan hidup Bangsa China untuk meramaikan zuriat, maka terdapat beberapa amalan yang dilakukan bagi merealisasikan hasrat tersebut;

1. Mereka mengamalkan poligami tanpa perlu kepada persetujuan isteri yang sedia ada. Bahkan ramai juga isteri-isteri yang menghadiahkan hamba-hamba perempuan kepada suami mereka untuk mendapat keredaannya.
2. Wanita tidak berhak mengahwini dengan lelaki yang disukai dan menyukai dirinya. Apa yang penting ialah lelaki tersebut sempurna jasmaninya supaya dapat melahirkan ramai keturunan yang sihat tubuh badan. Mereka juga menganggap ikatan perkahwinan hasil dari kasih sayang suatu perkara yang tidak dibina atas dasar akli.

¹² *Ibid.*, h. 32 - 34

3. Lelaki bujang yang tidak mahu berkahwin dianggap satu kesalahan serta dituduh terdapat kecacatan pada jasad, perasaan dan kemampuannya.
4. Wanita hanya dihormati semata-mata kerana ramai melahirkan anak lelaki. Sebaliknya sekiranya mereka tidak dapat melahirkan anak lelaki, mereka akan dihina. Bahkan mungkin membawa kepada perceraian.

Adat-adat lain yang dapat diperhatikan ialah:

1. Gadis-gadis yang akan berkahwin tidak dibenarkan melihat bakal suami mereka kecuali di malam perkahwinan. Selepas itu, gadis berkenaan dikehendaki tinggal bersama suaminya di rumah mertua atau berdekatan dengan rumah mertuanya supaya dia boleh berkhidmat kepada mereka. Keadaan sedemikian berterusan sehingga maut membebaskan mereka dari perhambaan tersebut.
2. Sekiranya satu-satu keluarga mempunyai anak perempuan melebihi dari keperluan mereka serta merasa susah dengannya, mereka akan meninggalkannya di ladang untuk dibunuh oleh binatang liar. Mereka melakukannya tanpa rasa bersalah sedikit pun seolah-olah mereka telah melepaskan diri daripada penyakit atau bala.
3. Akad perkahwinan seolah-olah akad perhambaan yang mana apabila suami mengalami kesempitan hidup, dia boleh menjual isterinya umpama barang.
4. Para isteri tidak dibenarkan makan bersama suaminya. Sebaliknya dia hendaklah melayani suaminya ketika suaminya sedang makan. Isteri tadi akan makan seorang diri lebihan daripada makanan suaminya.

1.2.4. Wanita Di Kacamata Peradaban Parsi¹³

Peradaban Parsi pula begitu menekankan soal politik dan peperangan. Raja mereka mempunyai kuasa veto serta zalm. Dia boleh mengarahkan seseorang dibunuh tanpa mengemukakan sebarang sebab. Hak-hak wanita mereka:

1. Bapa menguruskan urusan perkahwinan anak-anaknya yang belum baligh sama ada lelaki maupun perempuan. Kebebasan memilih diberikan kepada mereka yang ingin berkahwin untuk mengahwini sesiapa yang dia mahu walaupun dari darah dagingnya sendiri (seperti saudara perempuan, anak perempuan bahkan ibunya sendiri).
2. Undang-undang Parsi menggalakkan percampuran dan hubungan jenis tanpa ikatan perkahwinan. Ini kerana Negara Parsi adalah sebuah negara peperangan, maka ia amat memerlukan penambahan askar-askar. Oleh itu tidak dapat tidak, kerajaan harus melakukan sesuatu untuk menambah kelahiran dan keturunan.
3. Wanita yang sedang haid wajib diasingkan daripada menghadiri sebarang aktiviti kemasyarakatan seperti menghadiri majlis jamuan dan majlis keramaian. Dia tidak boleh keluar supaya tidak melihat dan dilihat oleh seseorang pun. Pada hari tidak didatangi haid, wanita golongan kaya tidak boleh keluar kecuali berada di dalam sekedup yang bertabir serta tidak boleh bergaul dengan lelaki secara terang-terangan. Perempuan miskin pula dibenarkan keluar bekerja bagi memenuhi keperluan hidup.
4. Kanun Parsi juga tidak menganggap satu kesalahan perempuan yang mengandung hasil perzinaan sama ada mereka telah berkahwin atau belum.

¹³ *Ibid.*, h. 36 - 38

Namun bagi perempuan yang menggugurkan kandungan dianggap satu kesalahan yang membawa kepada hukuman mati.

5. Perempuan yang telah berkahwin ditegah daripada melihat mana-mana lelaki sekalipun lelaki itu bapanya sendiri atau saudara lelakinya.
6. Bangsa Parsi juga tidak mengalu-alukan kelahiran anak perempuan. Antara kata-kata mereka yang masyhur ialah:

'Kaum lelaki tidak berdoa kepada Allah supaya dikurniakan anak perempuan, para malaikat pula tidak mengira satu nikmat dengan kelahiran anak perempuan di kalangan bani insan'.

1.2.5. Wanita Di Kacamata Peradaban Rom¹⁴

Terdapat beberapa tahap kedudukan wanita di dalam Peradaban Rom menurut perkembangan zaman pemerintahan.

Zaman Republik Pertama:

1. Wanita tidak boleh berjual beli dan memiliki harta. Semua perkara tadi hanya diuruskan oleh suami .
2. Hanya sedikit pelacuran yang ada pada zaman ini. Kaum wanita dikurung serta tidak dibenarkan bergaul dengan masyarakat.
3. Kaum wanita akan dihukum mati apabila melakukan salah satu kesalahan berikut atau kedua-duanya sekali: berzina atau mencuri kunci perpendaharaan suami. Orang yang menghukum isteri tadi ialah suaminya sendiri.

¹⁴ *Ibid.*, h. 42 – 44. Lihat juga Balsdon, John Percy Vyvian Dacre (1975), *Roman Women: Their History And Habits*, Westport, Connecticut: Greenwood Press.

4. Terdapat 3 jenis perkahwinan iaitu Cummanu, Confarreatio dan Sin Manu. Perkahwinan Cummanu terjadi sama ada dengan cara tinggal bersama untuk beberapa tahun atau dengan akad jual beli. Confarreatio pula dengan cara makan kek bersama-sama. Perkahwinan jenis ini diwajibkan mengadakan kenduri keagamaan. Sin Manu hanya memerlukan reda antara dua pasangan serta tidak perlu kepada kenduri keagamaan.
5. Wanita tidak boleh hadir di hadapan hakim di mahkamah walaupun dia merupakan saksi pendakwa atau saksi tertuduh kerana pandangan rendah masyarakat terhadap kedudukan mereka.
6. Isteri tidak boleh mewarisi harta suaminya tetapi suami boleh mewarisi harta isterinya.
7. Kaum wanita sepanjang hayatnya adalah di bawah pengawasan kaum lelaki sama ada di bawah jagaan bapa, saudara lelaki, suami atau anak lelaki. Mereka tidak dibenarkan mengurus harta sendiri kecuali dengan izin wali mereka.

Zaman Kedua:

1. Apabila anak perempuan dilahirkan atau anak tersebut hodoh dan cacat, suami berhak membunuhnya. Hanya suami yang berkuasa di dalam rumah tangga.
2. Bapa boleh menjual anaknya sebagai hamba khususnya anak perempuan. Hak ini boleh berpindah kepada anak lelaki yang paling tua.
3. Pelacuran menjadi satu pekerjaan yang diiktiraf kerajaan. Selain melacur, wanita juga bekerja sebagai penyair, penyanyi, penari, pemuzik dan penghibur kaum lelaki. Terlalu ramai wanita yang bekerja sedemikian sehingga ahli sejarah menyatakan: "*Bilangan mereka tidak kurang daripada bintang-bintang*".

Akibat dari keadaan tersebut, zina menjadi satu kebiasaan. Pengkhianatan terhadap rumah tangga berlaku yang mana isteri-isteri mempunyai kekasih selain suaminya.

4. Liwat berleluasa (atau homoseks) sedangkan masyarakat tidak memandang ia sebagai keaiban. Perkahwinan menjadi sukar sehingga masyarakat membenarkan anak-anak perempuan hak untuk mendapatkan suami sementara.

1.2.6. Wanita Di Kacamata Peradaban Yunani¹⁵

Peradaban Yunani terkenal dengan zaman kepahlawanan. Kemuncak peradaban ini ialah apabila munculnya ahli falsafah terkemuka seperti Socrates, Plato, Aristotle dan lain-lain. Pada zaman kepahlawanan kedudukan wanitanya adalah sebagaimana berikut;

1. Kaum wanita tidak mengenal hijab dan tidak tinggal tetap di rumah. Mereka bebas bergaul dengan kaum lelaki, bahkan berkongsi idea dalam sebarang perbincangan dan perbahasan.
2. Perkahwinan disempurnakan dengan akad jual beli. Kaum bapa boleh mengaut keuntungan dengan perkahwinan (menjual) anak peremuannya.
3. Setelah berkahwin, perempuan tadi akan menjadi surirumah dan akan bertambah kemuliaannya dengan setiap kelahiran anak lelaki.
4. Perzinaan pada masa ini terlalu kurang.

¹⁵ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud (Dr.) (t.t), *op.cit.*, h. 39 – 41. Lihat juga 'Abd al-Latif Ahmad 'Ali (Dr.) (1971), *al-Tārikh al-Yūnāni*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 48 – 72.

Pada zaman falsafah keadaan wanita turut berubah;

1. Hubungan jenis dianggap asas kepada cinta, dengan itu kesucian tidak dituntut pada perempuan sebelum kahwin kecuali pada sesetengah wanita terhormat.
2. Undang-undang membenarkan lelaki berhubung dengan teman-teman perempuan. Isteri pula tidak mencela sekiranya suami mengambil teman-teman wanita.
3. Perayaan keugamaan dijadikan pesta untuk melakukan seks bebas kerana mereka menganggap hari tersebut memudahkan kaum lelaki yang telah berkahwin berhubung dengan wanita selain isterinya.
4. Perempuan tidak boleh minta cerai daripada suaminya sedangkan suami berhak menceraikan isterinya dengan sebab atau tanpa sebab serta menghalaunya dari rumah.
5. Lelaki mandul berhak meminta pertolongan kerabatnya untuk meniduri isterinya. Apabila mendapat anak, anak itu akan dinasabkan kepada suaminya yang sah. Manakala wanita yang mandul akan diceraikan.

1.2.7. Wanita Di Kacamata Peradaban Hindu¹⁶

Peradaban Hindu berpegang kepada sistem kasta iaitu satu sistem sosial yang mengkelaskan kedudukan manusia kepada tingkat masyarakat yang berbeza. Namun begitu, mereka juga mempunyai kemajuan ilmu pengetahuan iaitu di kalangan kasta-kasta tinggi.¹⁷ Kedudukan wanita antara kasta tinggi lebih kurang sama sahaja dengan kasta rendah.

¹⁶ Ali 'Abd al-Halim Mahmud (Dr.) (t.t), *op.cit.*, h. 28 - 30

¹⁷ Dr. HAMKA, Hj Abdul Malik Karim Amrullah (1977), *Sejarah Umat Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 60.

1. Wanita tidak berhak memilih suaminya. Bapa boleh mengahwinkan anak-anaknya yang belum baligh.
2. Isteri menjadi hamba suami yang wajib berkhidmat untuk suaminya serta bersabar dengan kerendah suaminya seolah-olah suaminya adalah tuhan.
3. Wanita diharamkan belajar kecuali wanita golongan atasan atau penzina kuil kerana tamadun ini melihat pembelajaran akan mengurangkan daya tarikan seks wanita.
4. Sesetengah wanita diwajibkan berkhidmat kepada kuil dan melayani penjaga kuil (tokoh agama mereka). Mereka juga melakukan tugas menyanyi dan menari di dalam kuil dua kali setahun. Mereka menari dengan tarian yang boleh merangsang syahwat serta menyanyi dengan lirik lucuah.
5. Terdapat 8 jenis perkahwinan di dalam adat Hindu iaitu Brahman, Dev, Arash, Prajapat, Asur, Gandharab, Rakshas dan Pishaj namun tiada satu pun yang menjamin kehormatan serta kedudukan wanita.
6. Wanita tidak boleh memohon cerai walau apa sebab sekalipun.
7. Wanita dikehendaki membakar dirinya bersama mayat suaminya setelah suaminya meninggal dunia. Bagi lelaki yang berkahwin ramai maka semua isterinya dikehendaki membakar diri. Mereka menganggap amalan ini adalah untuk membuktikan kekekalan hubungan suami isteri.

1.2.8. Wanita Di Kacamata Peradaban Kristian¹⁸

Agama Kristian berasal daripada al-Kitab yang dipercayai oleh pengikut Kristian bahawa ia telah turunkan kepada Nabi Isa a.s. Walaubagaimana pun, ajaran Isa a.s yang asas telah diseleweng dan diubah mengikut selera manusia. Oleh sebab itu apa yang ada di dalam al-Kitab bukan lagi ajaran dari wahyu Ilahi. Kedudukan wanita di zaman peradaban Kristian adalah sebagaimana berikut;

1. Kehinaan kaum wanita berpunca daripada kesalahan Hawa. Hawa didakwa menjadi punca kepada dosa Adam a.s. Tuduhan ini dilontarkan oleh St. Paul dalam Bab Timothy 2: ayat 14.¹⁹
2. Hubungan jenis sebelum kahwin tersebar luas tanpa terkesan dengan pengharaman zina sebagaimana yang disyariatkan oleh Agama Kristian. Begitu jua dengan amalan merogol yang tidak dianggap satu kesalahan jenayah. Bukan itu sahaja, perzinaan juga berlaku di gereja-gereja di kalangan paderi mereka. Oleh itu ramai anak zina di lahirkan di seluruh pelusuk alam Kristian.
3. Perkahwinan dianggap salah satu amalan ekonomi. Oleh sebab itu pihak gereja mengharuskan perkahwinan tanpa reda wali selagimana kedua-dua pasangan telah baligh. Amalan ini berterusan sehingga pihak gereja mengubah pendiriannya terhadap perkahwinan. Selepas itu pihak gereja mengangkat taraf perkahwinan ke makam suci dengan menjadikannya hubungan suci antara lelaki, perempuan dan Allah. Namun taraf wanita yang berkahwin tidak lebih dari seorang hamba yang perlu mengabdikan diri sepenuhnya kepada suaminya.

¹⁸ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud (Dr.) (t.t), *op.cit.*, h. 50 – 53.

¹⁹ King James Version (1989), *Holy Bible*, Iowa Falls: World Bible Publishers, h. 148.

Perkahwinan juga menghalalkan suami untuk menggunakan harta isterinya walau tanpa reda isteri.

4. Wanita tidak boleh hadir ke mahkamah yang memberi maksud wanita tidak boleh mendakwa dan menjadi saksi dalam apa jua kes. Mereka hanya menerima kesaksian wanita mulai abad ke 19 Masehi.²⁰
5. Upah kaum wanita dikurangkan dari upah lelaki walau mereka melakukan perkerjaan yang sama.

1.2.9. Wanita Di Kacamata Peradaban Yahudi²¹

Asal agama Yahudi ialah daripada Perjanjian Lama yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. Namun mereka juga telah menyelewengkan ajaran Musa a.s dengan mengubah dan meminda isi kandungan Taurat. Oleh itu jadilah Agama Yahudi semata-mata agama ciptaan manusia. Apakah pandangan mereka terhadap wanita?

1. Mereka juga menganggap wanita punca kepada segala maksiat, kerana itulah Adam a.s terusir dari syurga setelah termakan pujuk rayu Hawa.²²
2. Mereka memandang institusi keluarga sebagai institusi ekonomi dan politik lebih daripada institusi kemasyarakatan yang mempunyai kuasa membangunkan sesebuah daulah. Teori politik diamalkan dengan cara seorang lelaki paling senior yang telah berkahwin di dalam sesebuah keluarga akan ditaati dan diikuti

²⁰ Danial Zainal Abidin (Dr)(2002), *Kit Kombat Islam Untuk Remaja*, Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd, h. 55.

²¹ Ali 'Abd al-Halim Mahmud (Dr.) (t.t), *op.cit.*, h. 46 – 48.

²² Yusuf al-Qaradawi (Prof. Dr) (2000), *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, Mohammad Zaini Yahaya (terj.), Bangi: Penerbitan Seribu Dinar, h. 478. Danial Zainal Abidin (Dr)(2002), *op.cit.*, h. 67. Sherif Abdel Azeem (Dr)(1999), *Women In Islam Versus Women In The Judeao-Christian Tradition: The Myth & The Reality*, Penang: Islamic Propagation Centre International (M), h. 9.

oleh isteri atau isteri-isterinya, anak-anak sama ada telah berkahwin atau belum berserta menantu, cucu-cucunya dan hamba yang dimiliki. Teori ekonomi dipraktikkan dengan cara setiap anggota keluarga diwajibkan bercucuk tanam. Bapa berhak menjual anak perempuan yang belum baligh untuk dijadikan jariah.

3. Bapa berhak mengahwini anak perempuan tanpa persetujuannya atau mengahwinkan dengan sesiapa yang dia suka. Sekiranya anak tidak patuh maka dia boleh dibunuh.
4. Tidak berkahwin adalah satu kesalahan. Oleh itu kahwin adalah wajib selepas usia 20 tahun. Perempuan yang telah baligh tetapi tidak berkahwin adalah satu kehinaan.
5. Kuasa talak hanya milik suami semata-mata.
6. Menggugurkan anak dianggap menghadkan kelahiran. Perbuatan ini adalah satu jenayah atau perbuatan kufur yang akan dimurkai tuhan
7. Setiap gadis akan dipastikan kesuciannya (masih dara) pada hari perkahwinannya. Kalau didapati sebaliknya, gadis itu akan direjam sampai mati.
8. Masyarakat awal Yahudi tidak menerima kesaksian wanita.²³ Pendita Yahudi atau rabbis merujuk kepada Bab Genesis 18: ayat 9 hingga ayat 16 yang menunjukkan bahawa Sara, isteri Ibrahim a.s pernah berbohong.²⁴ Justeru kesaksian wanita tidak diterima sama sekali. Sehingga sekarang keterangan wanita belum diterima di Mahkamah '*Rabbinical*' di Israel.²⁵

²³ Sherif Abdel Azeem (Dr)(1999), *op.cit.*, h. 22.

²⁴ King James Version (1989), *op.cit.*, h. 10-11.

²⁵ Sherif Abdel Azeem (Dr)(1999), *op.cit.*

9. Kaum lelaki akan mewarisi isteri saudaranya yang meninggal dunia. Sekiranya si mati tiada saudara lelaki, maka isteri tadi akan dikahwini oleh kerabat.
10. Wanita Yahudi tidak berhak memiliki harta.²⁶

1.2.10. Wanita Di Kacamata Arab Sebelum Islam²⁷

Masyarakat Arab hidup di bawah peraturan yang terikat dengan adat, uruf dan kemajuan yang berbeza mengikut kabilah masing-masing. Kedudukan wanita Arab sebelum Islam agak berbeza dengan wanita lain pada sesetengah perkara.

1. Taraf wanita yang bergelar ibu dipandang tinggi sehingga mereka menasabkan nama anak lelaki kepada ibu mereka. Apatah lagi ibu tersebut dari keturunan bangsawan.
2. Setengah kabilah merasa malu, hina dan sempit dada dengan kehadiran anak perempuan. Gambaran tersebut telah dilakarkan di dalam Surah al-Nahl, ayat 58-59 dan Surah Zukhruf, ayat 43. Firman Allah S.W.T;

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُمْ بِالْأُنْثَى طَلْ وَجْهَهُ مُسْوَدًا وَهُوَ كَظِيمٌ . يَتَوَارَى مِنْ
الْقَوْمِ مِنْ سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيْمَسِكُهُ عَلَى هُونٍ أَمْ يَدْسُسُ فِي التُّرَابِ أَلَا
سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ

Maksudnya:

Apabila salah seorang dari mereka diberi khabar gembira dengan anak perempuan, lalu mukanya menjadi hitam, sedang ia berduka cita (menahan kemarahannya). Ia menyembunyikan diri dari kaumnya kerana kejahanan mengenai khabar gembira yang disampaikan kepadanya. Apakah akan dipegangnya anak itu dengan (menanggung) kehinaan atau dikuburkannya ke dalam tanah? Betapa buruknya hukuman mereka itu.

Surah al-Nahl (16): 58-59

²⁶ Ia dirujuk kepada kitab *Talmud* San. 71a, Git. 62a. Lihat Daniyal Zainal Abidin (Dr)(2002), *op.cit.*, h. 68.

²⁷ 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud (Dr.) (t.t), *op.cit.*, h. 54 – 56. Lihat juga al-Sayyid 'Abd al-'Aziz Sâlim (1988), *Târikh al-'Arab fi 'Asr al-Jâhilîyyah*, Iskandariah: Mu'assasah Syâbab al-Jâmi'ah, h. 446-454.

Bagi menghilangkan rasa malu, mereka sanggup membunuh insan yang tidak berdosa dan masih belum mengerti apa-apa dengan cara menanam anak perempuan mereka hidup-hidup.²⁸ Firman Allah S.W.T:

وَإِذَا الْمَوْعُودَةُ سُنْتَ * بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ

Maksudnya:

Dan apabila anak perempuan di tanam hidup-hidup. Dengan dosa apakah mereka dibunuh?

Surah al-Takwir (81): 8 – 9

3. Kebanyakan orang Arab menghadkan hanya seorang isteri. Bahkan terdapat bapa yang mensyaratkan supaya anak perempuannya tidak diduakan sepanjang perkahwinannya. Akan tetapi amalan poligami tetap berlaku seperti ‘Urwah Ibn Mas‘ūd mempunyai 10 orang isteri sebelum Islam. Setelah memeluk Islam, beliau menceraikan 6 orang daripada isterinya kerana menurut hukum Islam.
4. Kaum Arab juga mengharamkan perkahwinan dengan mereka yang mempunyai hubungan nasab seperti ibu, anak perempuan, saudara perempuan, ibu saudara, anak saudara perempuan dan seterusnya sebagaimana yang telah diharamkan oleh Islam kecuali pada 2 perkara;
 - a. Mengahwini isteri bapa (ibu tiri) selepas kematian bapa.
 - b. Berpoligami dengan mengahwini saudara perempuan kepada isteri sendiri.
5. Talak dan rujuk dilakukan berulang kali sehingga memudarangkan kaum wanita.
6. Mereka mendedahkan aurat untuk memperlihatkan perhiasan dan kecantikan mereka di hadapan lelaki ajnabi sehingga menjerumuskan mereka ke lembah perzinaan.²⁹

²⁸ Lihat Surah al-Nahl (16): 58 –59.

²⁹ Ibn Jarīr al-Ṭabarī (1993), *op.cit.*, h. 207.

7. Mereka menyanyi serta menari untuk menghiburkan kaum lelaki ajnabi.
8. Mereka dipandang hina oleh masyarakat serta dijadikan alat untuk memuaskan hawa nafsu lelaki semata-mata.³⁰ Tubuh badan mereka dijadikan bahan dagangan seks serta boleh dijual beli. Keadaan ini pernah diceritakan ayat 33 Surah al-Nūr. Anak-anak berhak menjual atau menyerahkan ibu mereka yang kematian suami kepada sesiapa yang mereka suka.

1.2.11. Wanita Di Alaf Baru

Tamadun era globalisasi sekarang amat berkembang pesat dalam pelbagai ilmu pengetahuan. Negara-negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, Russia, United Kingdom, Perancis dan lain-lain memang telah terkenal dengan kehebatan teknologi-teknologi baru ciptaan mereka. Situasi yang dialami kaum wanita turut berubah dengan berubahnya masa. Mereka mendapat lebih banyak hak-hak berbanding wanita zaman dahulu namun kedudukan dan maruah mereka hampir sama dengan wanita jahiliyah dahulu. Tempias bahang tersebut turut mengenai sebahagian besar para wanita muslimah di negara-negara ummat Islam seperti Turki, Mesir, Bosnia, Indonesia, Malaysia dan lain-lain.

1. Kaum wanita mereka ramai yang telah membuang perasaan malu dengan mendedahkan aurat sehingga ke tahap berbogel. Tubuh badan mereka dieksplorasi di akhbar-akhbar, majalah, filem dan lain-lain. Penonjolan diri mereka secara lucah dilakukan seolah-olah mereka tiada harga sebagai manusia.

³⁰ Sayyid Qutb (1992), *op.cit.*, h. 2857

2. Hubungan jenis sebelum kahwin, bersekedudukan (tanpa kahwin), zina mahram, seks bebas, lesbian dan homoseksual telah mendarah daging di dalam masyarakat mereka sehingga ke tahap kronik. Akibatnya lahir pelbagai bala penyakit dari Allah S.W.T seperti Siplis, AIDS dan lain-lain.
3. Rentetan daripada amalan perzinaan yang berleluasa, institusi keluarga turut menghadapi ancaman berat. Para isteri dan anak gadis tidak menemui keselamatan dan keamanan di dalam rumah sendiri. Penderaan terhadap isteri masih tetap berlaku walaupun terdapat undang-undang yang melindunginya.
4. Kaum wanita digalakkan keluar dari kehidupan tradisi mereka untuk belajar, berkerja, bersosial dan lain-lain tanpa dibatasi dengan peraturan yang boleh menjamin maruah mereka. Akibatnya berlakulah pergaulan bebas antara lelaki dan wanita di kelas-kelas pengajian, tempat kerja, kompleks membeli-belah, pesta dan temasya dan lain-lain yang menjerumuskan mereka kepada keruntuhan akhlak.
5. Terdapat negara-negara yang menghalalkan pelacuran dengan memberi lesen untuk mewujudkan premis seperti rumah tumpangan bagi tujuan pelacuran.
6. Mereka mendapat hak-hak yang lebih luas merangkumi bidang politik, ekonomi, kehakiman dan sosial. Wanita berjaya menjawat jawatan tinggi dalam politik seperti presiden, menteri dan wakil rakyat. Mereka juga menjadi ahli perniagaan yang berjaya, pegawai tentera, peguam, hakim dan lain-lain.
7. Andartu semakin meningkat. Ramai kaum wanita yang mempunyai kerjaya yang baik memilih untuk tidak berkahwin. Kaum wanita juga lebih ramai dari lelaki. Konsekuensi dengan hadis Rasulullah S.A.W yang menceritakan antara tanda-tanda dunia akhir zaman sebagaimana berikut;

وَيُرَى الرَّجُلُ الْوَاحِدُ يَتَبَعُهُ أَرْبَعُونَ امْرَأَةً يَلْذَنُ بِهِ، مِنْ قِلْةِ الرِّجَالِ وَكَثْرَةِ
النساء

Maksudnya:

... dan dilihat seorang lelaki diikuti 40 orang wanita untuk berseronok denganannya, kerana sedikitnya kaum lelaki dan ramainya kaum wanita.³¹

8. Sebahagian mereka tidak segan silu lagi untuk memelihara anak luar nikah.
9. Wanita bebas memiliki dan menguruskannya harta sendiri, mewarisi dan diwarisi.

1.3. Rumusan Dan Kesimpulan

Secara umumnya kaum wanita mengalami penindasan yang amat dahsyat dan begitu hina sekali di dalam mana-mana peradaban yang menurut sistem jahiliyah. Adakalanya taraf mereka lebih rendah daripada haiwan. Tiada kuasa pemerintahan atau mana-mana pihak yang dapat membela dan mengangkat darjat wanita ke tahap yang sewajarnya. Bahkan menyalahguna kuasa untuk mezalimi pihak yang lemah. Namun begitu terdapat juga segelintir tamadun yang memberi sedikit hak-hak kepada wanita walaupun tidak sempurna terutama peradaban moden (selepas kedatangan Islam). Amalan yang baik telah diiktiraf Islam serta dijadikan syariat seperti mengharamkan perkahwinan dengan mahram dan sebagainya. Penditilan terhadap fakta di atas adalah sebagaimana berikut:

³¹ *Sahīh al-Bukhārī*, j. 7, h. 81. Bāb al-Sadaqah , no. hadis 1394. *Sahīh Muslim*, Bāb al-Targhib fi al-Sadaqah Qabla an Yūjad Man Yaqbaluhi, no. hadis 2291. Maksud 'yahudhna bihi': ialah kaum wanita yang ramai cenderung kepada seorang lelaki supaya dipenuhi keperluan-keperluan mereka dan dapat melindungi mereka. Sila lihat Muhy al-Dīn al-Nawawī (1996), *Sahīh Muslim: al-Minhāj Syarḥ Sahīh Muslim bin al-Hajjāj*, j. 7, c. 3. Beirut: Dār El-Marefah, h. 98.

1.3.1. Hak Sosial

Perkara yang paling menonjol di dalam penindasan terhadap kaum wanita ialah menjadikan mereka sebagai objek seks semata-mata tanpa menghiraukan naturi kemanusiaan yang ada pada mereka. Tubuh badan mereka dijadikan alat pemuis hawa nafsu, manakala harga diri mereka ditong sampahkan. Keadaan sedemikian menjadi amalan hampir semua tamadun jahiliyah yang pernah wujud di dunia sama ada tamadun sebelum kedatangan Islam atau selepasnya. Kaum wanita tiada tempat berlindung baik di dalam institusi keluarga lebih-lebih lagi di dalam sistem pemerintahan. Apa yang boleh diharapkan daripada keluarga sekiranya undang-undang negara itu sendiri menghina kedudukan wanita.

Beberapa buah negara di zaman dahulu mengukir patung-patung wanita bogel atau patung manusia yang sedang melakukan persetubuhan bagi menggambarkan runtunan hawa nafsu mereka dan juga pandangan hina kepada kaum wanita.³² Tamadun alaf baru yang didominasikan para orientalis barat pula menyebarkan tabiat menjadi hamba seks melalui gambar lucah, filem lucah melalui televisyen atau cakera padat serta laman-laman web *phornography*. Lebih teruk lagi ialah menjadikan tubuh badan wanita sebagai pelaris bahan jualan dengan memaparkan aksi-aksi menghairahkan di papan-papan iklan, akhbar, majalah, televisyen dan internet. Para wanita juga digalakkan keluar rumah dengan tidak menutup aurat serta berhias bagi menyuburkan pergaulan bebas sehingga melakukan zina.

³² Afzalur Rahman (1994), *Muhammad S.A.W., Ensiklopedia Sirah: Peranan Wanita Islam*, Zaleha Ahmad *et al.* (terj.), j. 5. c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 17.

1.3.2. Hak kekeluargaan

Mereka tidak dapat menikmati hidup berkeluarga yang dipenuhi dengan berkasih sayang, saling hormat-menghormati, tolong-menolong, ingat-mengingati dan memelihara maruah masing-masing. Perkara ini berpunca daripada pandangan masyarakat terhadap objektif akad perkahwinan dan sistem kekeluargaan itu sendiri. Terdapat akad perkahwinan yang seumpama akad perhambaan seperti yang berlaku di dalam peradaban China dan Kristian atau sebagai alasan untuk memenjarakan pergerakan mereka seperti yang berlaku di dalam tamadun Parsi. Terdapat juga perzinaan yang dihalalkan atas nama perkahwinan, sedangkan akad yang dilakukan tiada beza dengan akad jual beli barang serta tiada jaminan ikatan yang berkekalan sekaligus meletakkan status wanita sama nilai dengan barang dagangan. Paling teruk ialah yang berlaku kepada Peradaban Hindu yang mewajibkan para isteri mempertuhankan suami mereka. Kuasa talak hanya milik mutlak kaum lelaki. Oleh itu para isteri tidak mempunyai jalan keluar apabila timbul masalah dengan suami masing-masing seperti suami zalim, mati pucuk dan lain-lain lagi.

1.3.3. Hak Ekonomi

Wanita di dalam Tamadun Mesir Kuno agak berasas baik kerana diberi hak memiliki harta, mewarisi dan diwarisi. Namun wanita di dalam kebanyakan tamadun yang lain tiada hak untuk memiliki harta apatah lagi mewarisi dan diwarisi. Walaupun sesetengah tamadun memberi peluang wanita bekerja tetapi harta pencarian mereka menjadi milik bapa atau suami mereka.

Atau sekiranya mereka dibenarkan memiliki harta tetapi tidak dibenarkan menggunakan harta mereka kecuali dengan izin kaum lelaki yang menjaga mereka.

1.3.4. Hak Kehakiman

Kalau dalam perkara asasi pun, kaum wanita tidak mendapat hak-haknya, apatah lagi dalam perkara-perkara lain. Martabat wanita yang dipandang hina oleh sistem perundangan tidak memungkinkan mereka mendapat tempat di mahkamah sama ada untuk hadir sebagai pendakwa, saksi dan lain-lain yang berkaitan.

1.3.5. Hak Pendidikan

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi pada zaman dahulu hanya di pelopori oleh kaum lelaki. Kaum lelaki mendominasinya tanpa memberi peluang kepada kaum wanita mempelajarinya serta mengembangkan potensi dan kemahiran yang ada pada mereka. Sesetengah wanita Hindu diberi peluang menimba ilmu dan peluang bertukar-tukar pendapat seperti yang dilakukan oleh wanita-wanita Yunani.

1.3.6. Hak Sivil Dan Jenayah

Wanita yang melakukan kesalahan walaupun kesalahan kecil seperti cuai dalam rumahtangga akan dikenakan hukuman berat. Kaum wanita memikul tanggungjawab yang berat dalam pengurusan rumahtangga sedangkan perkara yang sama tidak diambil tindakan sekiranya dilakukan oleh pihak suami.

2 : Peranan Dan Hak-hak Asasi Wanita Menurut Perspektif Islam

Secara umumnya setiap manusia mempunyai hak-hak asasinya yang mesti dihargai dan dihormati tidak kira mereka lelaki atau wanita, kanak-kanak atau dewasa, ibubapa atau anak-anak dan sebagainya. Dalam lingkungan hak-hak asasi mereka lahir, mereka diberikan kebebasan memainkan peranan yang sesuai dengan fitrah semulajadi mereka. Dunia moden sekarang menyaksikan perkembangan ideologi manusia yang semakin lantang menuntut hak-hak asasi mereka dari timur ke barat, dari utara ke selatan. Pelbagai jenis hak-hak asasi dituntut dan diperkanunkan seperti hak-hak asasi manusia (secara umum), hak-hak asasi buruh, kanak-kanak, wanita dan sebagainya. Konsep perhambaan sesama manusia telah dipandang hina sekalipun dari sudut amali, ianya masih berleluasa. Namun kebanyakan slogan dan tuntutan yang tidak menjadikan Islam sebagai pemangkinnya akan menghadapi masalah yang tidak pernah selesai.

2.1. Kedudukan Dan Peranan Wanita

Kedatangan Muhammad S.A.W adalah sebagai rahmat ke seluruh alam meliputi semua bangsa dan jenis manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alam semulajadi.

Sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya tidak Kami utuskan kamu kecuali sebagai rahmat ke seluruh alam.

Surah al-Anbiyā' (21): 107

Belenggu kegelapan dan kepahitan hidup kaum wanita telah berjaya dirungkai oleh Baginda S.A.W. Pengiktirafan Islam terhadap kaum wanita dinukilkkan al-Quran;

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بْنَيْ آدَمَ

Maksudnya;

Sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam.

Surah al-Isrā' (17): 70

Makna anak-anak Adam mencakupi lelaki dan perempuan, jadi penghormatan dan kemuliaan juga diberikan kepada lelaki dan perempuan. Firman Allah S.W.T lagi;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِذَا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ
لِتَعْرَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتَانَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya:

Hai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu (terdiri dari) lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu adalah yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui

Surah al-Hujurāt (49): 13

Ayat ini menegaskan bahawa kemuliaan di sisi Allah S.W.T adalah berdasarkan iman dan takwa, bukannya mengikut perbezaan jantina, suku, bangsa, harta, pangkat dan lain-lain.

Amalan dan pergaulan Rasulullah S.A.W terhadap isteri-isteri dan anak-anak gadis Baginda S.A.W dijadikan tauladan. Penghormatan dan maruah wanita dikembalikan kepada fitrah kejadiannya. Ancaman serta peringatan diberikan kepada mereka yang menganiaya kaum wanita dan membunuh anak-anak perempuan.³³

³³ Lihat Surah al-Isrā' (17): 31

Islam telah memberikan semua hak-hak asasi wanita dari semua aspek kehidupan seperti aspek akidah, ibadah, sosial, politik, ekonomi, kehakiman dan lain-lain. Islam telah menetapkan peranan dan fungsi antara lelaki dan wanita dengan adil dan saksama. Sebagaimana yang pernah disebut di dalam bab sebelum ini: konsep adil ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya, oleh itu bukan semua hak yang diberikan kepada kaum lelaki bersesuaian dengan wanita. Begitu jualah sebaliknya. Mereka hanya diberikan hak-hak yang sesuai dengan fitrah biologi fisiologi dan psikologi mereka sahaja. Perkara ini selari dengan dasar syariat Ilahi yang berbunyi:

لَا يَكُلُّ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وَسَعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Maksudnya:

Allah tidak memberati (mempertanggungjawabkan) seseorang (dengan beban mas'uliyyah) kecuali mengikut kemampuannya. Baginya (pahala) kebajikan yang diusahakannya dan di atasnya (dosa) kejahanan yang diperbuatnya.

Surah al-Baqarah (2): 286

Bersesuaian dengan firman Allah S.W.T yang bermaksud; *tidak Dia jadikan sesuatu itu dengan sia-sia.³⁴* Oleh itu semua unsur kejadian yang dengannya diciptakan manusia mempunyai fungsi dan peranannya yang tertentu. Fungsi telinga tidak sama dengan fungsi mata walaupun kedua-dua anggota itu sama pentingnya kepada manusia. Apabila setiap sel yang tumbuh di dalam diri lelaki dan wanita itu terdapat perbezaannya (walaupun bukan secara keseluruhannya), maka perbezaan itulah menatijahkan peranan yang berbeza antara satu sama lain. Dengan demikian fitrah manusia akan dapat dipenuhi oleh satu sistem pembahagian tugas yang adil dan samarata mengikut kesesuaian fungsi masing-masing.

³⁴ Lihat Surah al-Mu'minūn (23): 115, Surah Ṣād (38): 38.

Ibarat sebuah kereta yang hanya dapat digunakan di jalan raya kerana struktur binaannya termasuk enjinnya dicipta khusus untuk digunakan di daratan. Maka apabila ia cuba digunakan di dalam air atau di bawa terbang, sudah tentulah kereta tersebut tidak mampu berfungsi diluar bidang tugasnya yang semulajadi, sekalipun asas binaannya sama seperti asas binaan sebuah kapal terbang iaitu besi. Begitu jualah dengan peranan yang dapat dimainkan oleh kaum wanita. Terdapat tugas-tugas tertentu yang hanya dapat dilakukan oleh wanita tetapi tidak dapat dilakukan oleh lelaki seperti mengandung, melahirkan serta menyusu anak dan sebaliknya. Sistem terbaik yang memahami konsep kejadian tersebut sejak azali tidak lain ialah Islam kerana Islam adalah agama Pencipta manusia itu sendiri Yang Maha Arif selok-belok kejadian manusia serta objektifnya.

2.2. Hak-hak Wanita Islam

2.2.1. Hak Akidah

Lelaki dan perempuan diberikan kebebasan untuk memilih agama atau pegangan akidah masing-masing. Firman Allah S.W.T yang berbunyi;

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ

Maksudnya:

Tiada paksaan dalam beragama

Surah al-Baqarah (2): 256

Ayat ini bersifat umum merangkumi lelaki dan wanita. Ini bererti Islam mengiktiraf kemampuan wanita untuk membezakan serta memilih apa yang baik untuk dirinya sendiri. Begitu juga dengan firman Allah S.W.T yang menyatakan;

فَالْيَهُمْ هَا فُجُورُهَا وَتَقْوَاهَا قَدْ أَفْلَحَ مِنْ زَكَاهَا * وَقَدْ خَابَ مِنْ دَسَاهَا

Maksudnya:

Diilhamkan (kepada manusia) kefasikan dan ketakwaan, sesungguhnya berjayalah sesiapa yang menyucikannya, dan binasalah sesiapa yang mengotorkannya.

Surah al-Syams (91) : 8 - 10

Ayat di atas merangkumi lelaki dan wanita. Maksudnya setiap individu yang mukallaf sama ada lelaki mau pun wanita bertanggungjawab terhadap jalan hidup yang dipilihnya. Sekiranya lelaki terjerumus ke lembah kehinaan dan maksiat maka dialah yang menanggung risikonya tanpa ada kaitan dengan wanita dan juga sebaliknya. Fenomena ini menyanggah dakwaan Yahudi yang menyabitkan Hawa menyebabkan Adam melakukan dosa.

2.2.2. Hak Ibadah

Wanita mukallaf sama dengan lelaki mukallaf dalam melaksanakan ibadah seperti solat, puasa, haji, zakat dan lain-lain kecuali terdapat beberapa rukhsah yang diberikan seperti perempuan yang haid tidak perlu menunaikan solat. Ini adalah kerana meraikan sifat fisiologinya yang berbeza dari lelaki. Mereka juga diberi ganjaran yang sama rata untuk memperolehi pahala dan dosa. Firman Allah S.W.T;

أَنَّى لَا أَضِيقُ عَمَلَ عَامِلٍ مِنْكُمْ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى بِغَصْبِكُمْ مِنْ بَعْضٍ

Maksudnya:

Sesungguhnya Aku tidak menyia-nyiakan (pahala) amalan orang yang beramal di kalangan kamu, baik lelaki maupun perempuan, setengah kamu dari yang lain.

Surah Āli 'Imrān (3): 195

FirmanNya lagi:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنَخْيِّبَهُ حَيَاةً طَيِّبَةً
وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Barangsiapa mengerjakan kebaikan, baik lelaki maupun perempuan, sedangkan dia beriman, nescaya Kami hidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan Kami balasi mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka amalkan.

Surah al-Nahl (16): 97

2.2.3. Hak Aḥwāl Syakhsiyah

Ia merangkumi hak kekeluargaan dan perwarisan. Islam telah menghapuskan sistem perhambaan terhadap isteri, ibu dan anak-anak perempuan yang pernah diamalkan oleh peradaban-peradaban sebelum ini. Sistem institusi keluarga di dalam Islam telah memberi penghormatan yang tinggi dan hak-hak kepada kaum wanita yang memainkan peranan sebagai isteri³⁵, ibu³⁶, anak-anak perempuan³⁷ dan saudara perempuan.³⁸ Mereka berhak mendapat layanan yang baik, kasih sayang, perlindungan, penghormatan, mahar, nafkah serta didikan. Kuasa talak bukan milik mutlak suami, sebaliknya wanita juga diberikan hak menuntut cerai apabila terdapat alasan yang munasabah seperti suami zalim, mati pucuk dan sebagainya. Wanita yang masih dara atau janda pula diberikan kebebasan untuk memilih calon suami masing-masing. Wanita juga diberikan hak mewarisi harta pusaka dan diwarisi.³⁹

³⁵ Lihat Surah al-Rūm (30): 21, Surah al-Baqarah (2): 228.

³⁶ Lihat Surah al-Nisā' (4): 124, Surah Luqmān (31): 14, Surah al-Aḥqāf (46): 15.

³⁷ Lihat Surah al-Isrā' (17): 47

³⁸ Lihat Surah al-Ḥujurāt (49): 10

³⁹ Lihat Surah al-Nisā' (4): 11 – 12

2.2.4. Hak Muamalat

Kaum wanita diberikan hak untuk berurusan dengan hal kewangan samada berjual beli, sewa menyewa, pinjam meminjam, mencari pendapatan, memiliki harta serta menguruskannya sendiri tanpa perlu tertakluk kepada kuasa suami atau wali. Walaupun begitu Islam menganjurkan agar pihak isteri mendapatkan nasihat suami atau wali ketika menguruskan hartanya agar harta tersebut dapat disalurkan ke jalan yang benar.

2.2.5. Hak Kehakiman

Wanita juga diiktiraf di bidang kehakiman yang mana wanita dibenarkan hadir di mahkamah, mendakwa dan menjadi saksi⁴⁰ dalam kes-kes tertentu. Topik ini akan dibahaskan lebih lanjut di dalam Bab Tiga nanti. Wanita juga tidak terlepas untuk dituduh apabila melakukan sebarang kesalahan.

2.2.6. Hak Sivil Dan Jenayah

Jika dari sudut positif, wanita diberikan hak-haknya sama rata dengan kaum lelaki. Begitu pulalah dari sudut negatif yang mana apabila wanita melakukan kesalahan jenayah yang melibatkan *al-Dariūriyyāt al-Khamsah* (5 keutamaan dalam Islam),⁴¹ apabila telah sabit kesalahan mereka maka mereka akan dikenakan hukuman yang sama dengan lelaki. Antara dalil yang menyebut tentang kes jenayah ialah ayat 178 Surah al-Baqarah, ayat 45 Surah al-Mā'idah dan ayat 2 hingga 4 Surah al-Nūr.

⁴⁰ Lihat Surah al-Baqarah (2): 282

⁴¹ Iaitu akidah, jiwa, akal, nasab, dan harta.

2.2.7. Hak Politik

Siasah Islam memandang wanita salah satu juzuk masyarakat yang memainkan peranan penting dalam membangunkan sesebuah negara. Kemahiran asas yang hanya dimiliki oleh kaum wanita dan tidak dimiliki oleh kaum lelaki ialah kemahiran melahir, mengasuh serta mendidik generasi baru yang akan menjadi pelapis kepada khilafah baru. Islam mengutamakan pembentukan dan pembangunan tamadun kemanusiaan lebih daripada membangunkan tamadun material. Oleh sebab itulah ada pepatah Melayu yang mengatakan '*Pemudi Tiang Negara*'. Pepatah dari seorang penyair Mesir pula menyebut; '*Ibu ibarat sekolah, jika kamu menyediakannya bermakna kamu telah menyediakan satu bangsa yang unggul*'.⁴² Dewasa ini, kita dapat melihat wanita Islam diharuskan menjadi wakil rakyat, anggota parliment dan menjadi menteri di bidang yang sesuai dengan fungsi mereka khususnya bagi membela dan menyuarkan hak-hak wanita.

2.2.8. Hak Pendidikan

Wanita juga diwajibkan menuntut ilmu fardu ain dan diharuskan menambah ilmu-ilmu lain dalam lingkungan ilmu fardu kifayah. Bahkan boleh jadi ilmu fardu kifayah berubah menjadi fardu ain bagi sesetengah wanita yang mampu seperti di bidang pendidikan, perubatan, pertahanan dan lain-lain lagi. Sabda Rasulullah S.A.W :

طَلَبُ الْعِلْمِ فِي رِبْضَةٍ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Maksudnya:

*Menuntut ilmu diwajibkan ke atas setiap muslim (lelaki dan wanita).*⁴³

⁴² Yusuf al-Qaradawi (Prof.Dr)(2000), *op.cit.*, h. 1.

⁴³ *Sunan Ibn Mājah*, j. 1. h. 81. Bāb Faḍl al-Ulamā' wa al-Haththa 'alā Ṭalab al-'Ilm, no. hadis 228.

2.3. Beberapa Masalah Sosial

- a. **Masalah Hijab:** Batas-batas aurat yang tidak sama dengan kaum lelaki juga adalah kerana faktor biologi dan psikologi yang berbeza antara keduanya. Pada zahirnya ia seolah satu belenggu, namun konsep menutup aurat di dalam Islam hakikatnya selari dengan pandangan akal dan naluri manusia dalam usaha memelihara maruah serta kedudukan wanita itu sendiri. Sekaligus ia merupakan salah satu kaedah pembebasan wanita daripada dijadikan bahan dagangan dan hamba seks yang amat berleluasa di semua zaman. Sebahagian peradaban kuno pernah mewajibkan hijab di kalangan wanita mereka sekalipun dasar mereka tidak menyeluruh serta tidak konsisten.

- b. **Masalah pergaulan lelaki dan wanita:** Pergaulan antara lelaki dan wanita juga dibatasi dengan adab sopan serta menurut keperluan. Oleh itu masalah zina dapat dielakkan bermula daripada menutup aurat, menjaga pandangan serta tata cara berhubung antara satu sama lain agar tidak mendatangkan fitnah di dalam hati.

- c. **Masalah Hiburan Dan Tilawah:** Suara wanita apabila dilunakkan akan menjadi aurat serta haram memerdengarkannya kepada lelaki ajnabi. Justeru itu adalah haram wanita bekerja sebagai penyanyi atau menyertai pertandingan tilawah al-Quran yang terdapat pendengar di kalangan kaum lelaki ajnabi.

Larangan ini juga kerana ingin memelihara maruah kaum wanita dan bukan semata-mata mahu mengongkong kebebasan mereka menonjolkan bakat semulajadi.⁴⁴

2.4. Konklusi

Hak-hak wanita di dalam Islam dijamin sepenuhnya oleh Pencipta wanita itu sendiri. Ia merangkumi seluruh sudut atau bidang kehidupan yang wujud di dunia ini tanpa kecuali. Pembelaan terhadap kaum wanita jelas dapat dilihat melalui wahyuNya dan amalan Rasulullah S.A.W. Bersama lahirnya Islam, jati diri wanita dikembalikan ke persada martabatnya yang sebenar dengan garis-garis panduan Ilahi yang mudah diikuti serta dilaksanakan.

3 : Fitrah Kejadian Wanita

Fasal ini akan mengemukakan fitrah kejadian wanita dari sudut ilmu embriologi, anatomi, fisiologi dan psikologi. Bersesuaian dengan prinsip akidah Islam bahawa setiap ketentuan Allah S.W.T mempunyai hikmah yang tersembunyi,⁴⁵ maka penulis beranggapan bahawa pembahagian hak-hak antara lelaki dan perempuan berkait rapat dengan fitrah kejadian mereka.

⁴⁴ Lihat Surah al-Ahzab (33): 33. Sekiranya melunakkan suara sahaja telah ditegah, apakah lagi melagu serta memerdukan suara sama ada untuk menyanyi atau membaca al-Quran. Suara hunak wanita boleh menarik hati lelaki lebih-lebih lagi lelaki yang jahat sehingga mendorong mereka melakukan perkara tidak baik terhadap wanita tersebut. Islam amat menitik- beratkan langkah ‘mencegah lebih baik dari mengubat’. Walaubagaimana pun topik ini merupakan masalah *khilāfiyyah*. “Larangan” yang dinyatakan bukanlah pendapat ijmak ulama, bahkan ada yang mengharuskannya dengan syarat-syarat tertentu.

⁴⁵ sama ada sudah jelas atau perlu di fikir serta dibuat kajian mendalam.

3.1. Kejadian Wanita Menurut Ilmu Embriologi

Secara umumnya ilmu berkenaan asal-usul kejadian manusia dikenali dengan ilmu embriologi yang membincangkan perkembangan janin di dalam kandungan. Ilmu ini sebenarnya telah dirintis oleh al-Quran semenjak lebih 1400 tahun dahulu namun ianya hanya dapat disaksikan kebenarannya setelah alat mikroskop berjaya dicipta. Ia dapat digunakan untuk melihat organisme atau zarah-zarah halus yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Pandangan al-Quran berhubung kejadian wanita terkandung di dalam ayat;

أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِّنْ نُفُسٍ وَاحِدَةٍ وَعَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا حَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَّقِيبًا

Maksudnya:

Wahai manusia, takutlah kamu kepada Tuhanmu yang menjadikan kamu dari diri yang satu dan menjadikan isteri daripadanya; dan daripada keduanya berkembang biak laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan takutlah kepada Allah yang kamu minta-meminta dengan namaNya, dan (takutlah untuk memutuskan) silaturrahim. Sesungguhnya Allah (sentiasa) mengawasi kamu.

Surah al-Nisā' (4): 1

Banyak ayat yang menceritakan tentang asal kejadian manusia dan perkembangan transformasi yang dialami semenjak sperma lelaki bercantum dengan ovum perempuan. Tiada satu pun daripada ayat-ayat tersebut yang menceritakan akan adanya perbezaan unsur kejadian lelaki dan wanita.

Hanya terdapat beberapa ayat yang menyinggung bagaimana jenis kelamin ditentukan semasa di dalam kandungan.⁴⁶

Ayat 45 – 47 Surah al-Najm dan ayat 36-40 Surah al-Qiyāmah pula menceritakan bagaimana Allah membentuk jenis lelaki dan perempuan dari satu unsur yang sama iaitu daripada ‘*nutfah lelaki*’ (gamet lelaki) yang bercampur dengan ‘*nutfah perempuan*’ (gamet perempuan) ketika ia ditumpahkan ke dalam rahim. Beberapa ayat lain pula menceritakan bahawa Allah S.W.T menciptakan setiap sesuatu itu berpasang-pasangan termasuk manusia.⁴⁷ Kewujudan manusia secara berpasangan itu adalah dari asal yang sama.⁴⁸

Fenomena di atas telah berjaya dibuktikan oleh kajian saintifik yang mana terdapat unsur pembeza antara jutaan sperma di dalam mani lelaki. Pada sperma yang membawa sifat lelaki terdapat bintik terang di bahagian kepala. Manakala sperma yang membawa sifat perempuan adalah sebaliknya.⁴⁹ Ia juga dapat dibezakan dengan sifat yang dibawa oleh kedua jenis sperma tadi yang mana sperma lelaki bergerak lebih pantas daripada sperma perempuan.

⁴⁶ Tafsiran kepada ayat-ayat berkenaan kejadian manusia telah dibuat secara saintifik dan mendalam oleh seorang doktor yang bukan beragama Islam. Sila lihat buku karangan beliau; Maurice Buaille (Dr.) (1994), *Asal Manusia Memurut Bibel, al-Quran Dan Sains*, c. 7. (T.T.P): Penerbit Mizan.

⁴⁷ Lihat Surah al-Dhāriyāt (51): 49, Surah al-Rā'd (13): 3, Surah Yāsīn (36): 36, Surah al-Najm (53): 45-46, Surah al-Qiyāmah (75): 39, Surah al-Zukhruf (43): 12, Surah al-Nahl (16): 72 dan Surah al-Rūm (30): 21.

⁴⁸ Iaitu asal Adam dan seluruh manusia dari tanah yang hina. Begitu juga dengan wanita. Lihat Surah al-Mu'minūn (23): 12-14 dan Surah al-Hajj (22): 5.

⁴⁹ Muhammad 'Alī Albār (Dr) (1995), *Khalq al-Insān bayna Tibb wa al-Qur'ān*, c. 10. Jeddah: Saudi Publishing Distributing House, h. 134.

Secara ringkasnya, jenis sperma yang berjaya bercantum dengan ovum wanita itulah yang akan menentukan jantina bayi yang bakal dibentuk sehingga dilahirkan. Inilah yang dimaksudkan dengan ‘*apabila nutfah dipancarkan*’ iaitu daripada mani lelaki.

Keadaan ini selaras dengan penemuan saintifik yang mendapati lelaki mempunyai dua jenis kromosom iaitu kromosom X dan kromosom Y. Sedangkan wanita hanya mempunyai satu jenis kromosom sahaja iaitu kromosom X.⁵⁰ Perkara inilah yang membezakan antara lelaki dan wanita yang mana dengan faktor tadi, lelaki memainkan peranan penting dalam menentukan jantina anak. Manakala pihak perempuan tidak berperanan untuk menentukan jantina kerana mempunyai sejenis kromosom sahaja.

Ayat-ayat yang membicarakan tentang perkembangan bayi di dalam kandungan seperti ayat 12 hingga 14 Surah al-Mu'minūn telah disentuh secara umum merangkumi bayi lelaki dan bayi perempuan.

3.2. Kejadian Wanita Menurut Ilmu Fisiologi Dan Psikologi

Pada asasnya, perbezaan secara fisiologi dan psikologi antara lelaki dan wanita telah difitrahkan oleh Allah S.W.T semenjak penciptaan Adam dan Hawa. Intipati tersebut dapat kita ambil dari maksud hadis berikut:

⁵⁰ J.H Green (1989), *Fisiologi Klinikal Asas*, Edisi Ketiga. Ahmad Pauzi Mohd Yusof dan Mariam Ahmad (terj.), Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia dan Kuala Lumpur: DBP, h. 175 – 176.

استوصوا بالنساء، فإن المرأة حُلِقتَ من ضلع، وإن أَعْوَجَ شيءٌ في الصلع
أعلاه، فإن ذهبت تقيمه كسرته، وإن تركته لم يَزَلْ أَعْوَجَ، فاستوصوا
بالنساء

Maksudnya:

*Saling nasihat-menasihatilah untuk berbuat baik kepada perempuan, kerana mereka diciptakan dari tulang rusuk yang bengkok. Dan sesungguhnya sebengkok-bengkok bahagian tulang rusuk itu ialah di bahagian atasnya. Sekiranya kamu ingin meluruskannya, kamu akan mematahkannya, sekiranya kamu biarkan ia, ia akan terus bengkok. Maka saling berpesanlah mengenai perempuan.*⁵¹

Sekalipun terdapat perselisihan pendapat ulama dalam menafsirkan erti ‘tulang rusuk’ sama ada ia memberi makna literal atau majazi,⁵² namun tidak dapat dinafikan bahawa ia membawa maksud bahawa kejadian wanita dari sudut fisiologi dan psikologi adalah berbeza dengan lelaki. Menurut kajian sains, perbezaan psikologi antara dua jantina disebabkan oleh faktor fisiologi.

⁵¹ Ahmad b. 'Ali b. Hajar al-'Asqalānī (1996), *Fath al-Bārī bi syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 7. Beirut: Dār al-Fikr, hadis 3331, h. 5. Juga disebut oleh hadith 5186 dengan matan yang berbeza. Imam Muslim turut meriwayatkan hadis berkenaan di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Sila lihat al-Nawawī (1996), *Ṣaḥīḥ Muslim: al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, j. 9 & j. 10, hadis 3629 dan 3631, h. 298.

⁵² Ada pendapat *fuqahā'* yang mengatakan maksud ‘tulang rusuk’ ialah secara literal iaitu dari tulang rusuk Adam a.s. berdasarkan Surah al-Nisā' (4): 1. Lihat Ibn Hajar al-'Asqalānī (1996), *op.cit.*, h. 12. Al-Nawawī juga memberikan makna secara majazi iaitu yang dimaksudkan dengan ‘bengkok’ ialah bengkoknya akhlak perempuan dan lemah aqalnya. Lihat al-Nawawī (1996), *op.cit.*, h. 299. Dr. Quraish Shihab di dalam ulasannya telah menyebut;

'Tulang rusuk yang bengkok harus difahami dalam pengertian majazi, dalam erti bahawa hadis tersebut memperingatkan para lelaki agar menghadapi perempuan dengan bijaksana. Kerana ada sifat, karakter dan kecenderungan mereka yang tidak sama dengan lelaki, hal mana bila tidak disedari akan dapat mengantar kaum lelaki untuk bersikap tidak wajar. Mereka tidak akan mampu mengubah karakter dan sifat bawaan perempuan. Kalau pun mereka berusaha akibatnya akan fatal, sebagaimana fatalnya meluruskan tulang rusuk yang bengkok'.

Lihat M. Quraish Shihab (Dr.)(t.t), *op.cit.*

Sebenarnya perbezaan sifat yang wujud antara lelaki dan perempuan ini bermula di alam sel jantina yang masih belum bercantum iaitu sel ovum dan sel sperma. Ovum didapati tidak banyak bergerak, pasif dan reseptif berbanding tingkahlaku sperma yang aktif, cergas, menghadapi bahaya, bersifat agresif dan dominan, sama ada ia mencapai matlamatnya ataupun mati. Sperma ini sampai ke permukaan ovum seumpama roket turun ke permukaan bulan. Sperma ini menembusi dinding serta melepaskan kromosomnya ke dalam ovum, di mana kedua-dua kromosom bercantum untuk membentuk zigot.⁵³ Lebih-lebih lagi sifat sperma yang membawa Kromosom Y dan Kromosom X juga adalah berbeza sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Fenomena ini telah diterangkan oleh al-Quran sejak 14 abad yang lalu.⁵⁴ Sifat-sifat semulajadi inilah yang menentukan jantina embrio seterusnya melahirkan bayi yang akan membesar dengan fitrah yang telah ditentukan sejak azali. Perkara ini boleh berlaku kerana kromosom-kromosom yang terdiri daripada DNA (*Deoxyribonucleic Acid*) menyimpan gen-gen yang menentukan setiap ciri yang dimiliki oleh tubuh dan sel-sel.⁵⁵

⁵³ Zigot ialah ovum yang telah dipersenyawakan oleh sperma. Mohammed Ali Albar (Dr) (1992), *Perkembangan Manusia Menurut al-Quran Dan Hadith (Kejadian Manusia Menurut Ilmu Perubatan Dan al-Quran)*. Rusli Bin Haji Nordin (Prof. Madya Dr.) (terj.). Kuala Lumpur: CRESCENT NEWS (K.L) SDN. BHD, h. 34.

⁵⁴ Surah al-Insān (76): 2 iaitu pada lafaz *Nutfah al-Amsyāj* yang memberi erti hasil percampuran dan penyatuan di antara *nutfah* lelaki (sperma) dan *nutfah* perempuan (ovum).

⁵⁵ Mohammed Ali Albar (Dr) (1992), *op.cit.*, h. 55.

Dari sudut kadar pengeluaran benih juga berbeza antara lelaki dan wanita yang mana sperma lelaki dihasilkan 100 juta sehari semenjak akil baligh (12-16 tahun) sehingga usia 60 tahun atau lebih;⁵⁶ berbanding hanya satu ovum yang dihasilkan setiap bulan daripada salah satu ovari semenjak akil baligh (12-16 tahun) sehingga putus haid (45-55 tahun).⁵⁷

Sistem reproduktif lelaki mengandungi tubul-tubul berkongolut⁵⁸ yang bukan sahaja menghasilkan sperma tetapi juga hormon testosteron (hormon seks lelaki) yang bertanggungjawab menzahirkan ciri-ciri kelelakian seperti janggut, misai, tubuh maskulin dan libido seks.⁵⁹ Manakala sistem reproduktif perempuan mengandungi ovari yang menghasilkan telur (ovum) setiap bulan dan hormon-hormon seks perempuan (estrogen dan progresteron). Hormon-hormon tersebut bertanggungjawab menzahirkan ciri-ciri feminin pada gadis-gadis yang sedang meningkat dewasa. Tumbesaran buah dada (kelenjar mamari), pengagihan rambut pubis dan aksila, suara feminin, pengagihan lemak yang tertumpu pada bahagian abdomen dan punggung dan banyak lagi ciri-ciri yang halus dan jelas seperti libido seks, sifat pendiam dan pemalu wanita, semuanya dipengaruhi oleh hormon-hormon seksual wanita yang dihasilkan oleh ovari.⁶⁰

⁵⁶ *Ibid.*, h. 27

⁵⁷ *Ibid.*, h. 41

⁵⁸ Atau dikenali juga dengan tubul-tubul seminiferus

⁵⁹ *Ibid.*, h. 27

⁶⁰ *Ibid.*, h. 43

Perbezaan yang wujud antara lelaki dan wanita amatlah ketara bukan sahaja pada anggota lahir bahkan meliputi tisu-tisu dan sel-sel yang paling kecil di dalam tubuh mereka. Perbezaan dari sudut fisiologi itu pula didapati mempengaruhi psikologi lelaki dan wanita samada dari sudut mental maupun emosi. Inilah antara maksud firmanNya yang berbunyi:

وَلَيْسَ الذُّكُرُ كَالْأُنثَى

Maksudnya:

“.....Dan anak lelaki tidaklah seperti anak perempuan....”

Surah Āli 'Imrān (3): 36

Benarlah kata-kata Allah S.W.T:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بِأَطْلَالٍ

Setiap sesuatu berkait dengan yang lain serta mempunyai sebab musabbabnya yang tersendiri. Namun begitu, kudrat dan iradat Allah S.W.T mengatasi sebab-musabbab apabila Dia menginginkan demikian. Kemudiannya fitrah tersebut diturunkan melalui jalan keturunan hasil kaedah hubungan antara keduanya yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T sejak azali. Inilah antara maksud ayat 1 Surah al-Nisā'. Faktor-faktor fisiologi dan psikologi manusia berkembang dan berubah menurut tahap usia manusia. Oleh itu tulisan ini akan mengemukakan sebahagian fakta fisiologi dan psikologi mengikut tahap usia mereka berdasarkan kepada kajian pakar perubatan dan pakar psikologi.

3.2.1. Perkembangan Bayi Perempuan Dari Kecil Hingga Dewasa

Kajian telah dibuat terhadap perkembangan bayi dan permulaan tindakbalas yang berbeza antara bayi lelaki dan bayi perempuan. Secara umumnya perbezaan tidak begitu ketara dalam usia bawah dua tahun. Beberapa sifat telah ditentukan untuk melihat hasilnya.

- i) **Kekuatan IQ:** Perbezaan dapat dijejaki dalam lingkungan 3 tahun ke atas. Kebanyakan kanak-kanak perempuan lebih cepat dari segi tindakan verbal (berkaitan percakapan termasuklah memahami bahasa, menambah pebendaharaan kata, membuat karangan dan membaca). Manakala kanak-kanak lelaki lebih cepat memahami matematik serta membuat anggaran (jarak sesuatu).⁶¹
- ii) **Rasa takut dan bimbang:** Kajian dibuat kepada kanak-kanak yang berusia 6 tahun ke atas. Kanak-kanak perempuan didapati lebih tinggi rasa takut dan bimbang berbanding kanak-kanak lelaki.⁶²
- iii) **Sifat mengambil berat dan keibuan:** Sebagaimana hormon testosteron memberi impak kepada kanak-kanak lelaki, hormon estrogen pula memberi kesan kepada kanak-kanak perempuan untuk mempunyai lebih sifat-sifat keibuan, mengambil berat dan penyayang.⁶³

⁶¹ Donald Roy Morse dan M.Lawrence Furst (1982), *Women Under Stress*, New York: Van Nostrand Reinhold Company, h. 121.

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid.*

- iv) **Agresif:** Agresif yang dimaksudkan dari sudut sifat mengancam, mengugut dan menyerang untuk melukakan seseorang. Kanak-kanak lelaki lebih agresif dari kanak-kanak perempuan. Perbezaan ini mula ketara di usia 2 tahun ke atas. Kajian menunjukkan sifat agresif kanak-kanak lelaki diakibatkan oleh hormon testosteron.⁶⁴
- v) **Sifat bergantung pada orang lain:** Kanak-kanak perempuan lebih bergantung kepada orang lain berbanding kanak-kanak lelaki yang lebih pandai berdikari.⁶⁵

3.2.2. Usia Pra-baligh (usia 11-13 tahun)

Sebelum baligh bentuk badan perempuan sama dengan lelaki. Menjelang usia 11 hingga 13 tahun, tanda-tanda ke arah baligh mula kelihatan pada fizikal, sosial dan psikologi. Perubahan awal pada kanak-kanak lelaki ialah penis mula membesar. Perubahan pertama yang di alami oleh kanak-kanak perempuan ialah payu dara mula membesar diikuti pinggul mula melebar, lebih banyak lemak berkumpul di bahagian abdomen dan punggung, perubahan pada suara dan pertumbuhan bulu pubis serta aksila.⁶⁶ Fizikal mereka lebih cepat membesar kerana lebih cepat baligh berbanding kanak-kanak lelaki. Pada masa yang sama, ovari dan uterus juga semakin membesar serta semakin aktif.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*, h. 122

⁶⁶ *Ibid.*, h. 121

Kira-kira selepas setahun atau dua tahun (biasanya antara usia 12 tahun hingga 17 tahun) perempuan tadi akan mengalami haid pertama yang dikenali dengan ‘menarche’.⁶⁷ Pada usia ini juga kanak-kanak perempuan mudah menjadi pendiam dan pemalu. Perasaan kasih dan meminati lelaki mulai bercambah.⁶⁸ Kanak-kanak lelaki lebih menyukai aktiviti lasak serta mencabar berbanding kanak-kanak perempuan yang cenderung kepada pekerjaan rumah tangga dan mengasuh bayi.⁶⁹

3.2.3. Usia Akil baligh (Matang)

Secara umumnya perkembangan wanita dari sudut fisiologi selepas akil baligh mengalami beberapa keadaan iaitu haid, hamil, nifas dan menopause (putus haid). Fakta sains telah membuktikan bahawa penghasilan hormon oleh sistem reproduktif mengawalatur tindakan badan, menyebabkan perubahan bentuk badan serta mempengaruhi perasaan dan pemikiran seseorang sama ada lelaki dan wanita. Oleh yang demikian itu kaum wanita sentiasa mengalami perubahan mental dan emosi selaras dengan fitrah yang dialaminya seperti haid, nifas dan lain-lain. Dengan perkataan lain kesihatan mental dan emosi saling berhubungkait dengan kesihatan fizikal.⁷⁰

⁶⁷ *Ibid.*, h. 121-122, Zalina Ismail (1999), *Panduan Kesihatan Gadis Remaja*. Kuala Lumpur: DBP, h. 9.

⁶⁸ Daud Bin Mohd Salleh (Ustaz) (2000), *Kepentingan Memisahkan Lelaki Dan Wanita*, (T.T.P): Perniagaan Jahabersa, h. 22.

⁶⁹ *Ibid.*

⁷⁰ Zalina Ismail (1999), *op.cit.*, h. 2

a. Masalah Prahaid Dan Ketika Haid

Al-Quran telah menceritakan perihal haid sebagaimana berikut:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذْىٌ

Maksudnya:

Mereka bertanyakan engkau tentang haid, katakanlah: Ia satu kotoran...

Surah al-Baqarah (2): 222

Terdapat pelbagai tanda-tanda sebelum seseorang wanita didatangi haid. Tanda-tanda tersebut berbeza antara seseorang dengan yang lain. Ada yang telah merasakannya seminggu atau sehari dua sebelum keluarnya haid. Tanda-tanda tersebut termasuklah mengalami sakit perut (terutama di bahagian rahim), sakit peha, sakit belakang, pening kepala, sakit kepala, rasa loya, muntah-muntah, tidak bermaya (keletihan) dan tidak kurang juga mengalami ketegangan emosi seperti tidak tenteram, bimbang, muram serta perasaan sedih yang amat sangat. Ketegangan yang dialami berpunca hasil dari gabungan 3 faktor iaitu perubahan hormon dalam badan, psikologi dan perubahan sosial.⁷¹ Kajian menunjukkan bahawa wanita akan mengalami kelemahan kesungguhan akal serta pemusatan pemikiran ketika mereka didatangi haid.⁷² Dr. Corford Enbs berkata:

“ Kami dapati wanita akan mengalami perubahan pada tingkahlaku secara mendadak ketika memasuki peringkat haid. Lebih teruk dari itu ketika mereka berada pada peringkat hamil. Pada peringkat ini, berlaku gangguan fikiran. Keseluruhan urat saraf menjadi tidak teratur pada beberapa bulan.”⁷³

⁷¹ Donald Roy Morse dan M. Lawrence Furst (1982), *op.cit.*, h. 140

⁷² Daud Bin Mohd Salleh (Ustaz)(2000), *op.cit.*, h. 23

⁷³ *Ibid.*, h. 24.

b. Masalah Kehamilan

Al-Quran terlebih dahulu memahamkan kepada kita perihal wanita hamil seperti berikut:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهُنَّ عَلَىٰ وَهُنِّ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ
أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمُصْبِرِ

Maksudnya:

Kami wasiatkan kepada manusia tentang kedua ibubapanya. Ibunya mengandungkannya dengan (menderita) kelemahan di atas kelemahan dan menceraikannya dari susuan dalam dua tahun: (supaya) Berterima kasihlah kepada-Ku dan kepada ibubapamu. Kepada-Ku lah tempat kembali.

Surah Luqmān (31): 15

Menurut para mufassir, yang dimaksudkan ‘wahnan ‘alā wahnin’ ialah kesukaran yang di alami sepanjang tempoh hamil.⁷⁴ Kepayahan wanita hamil turut disentuh oleh ayat 15 Surah al-Āhqāf. Statistik kajian ahli perubatan berkenaan hal ini menjelaskan lagi maksud ayat di atas.

Secara normal, tanda pertama kehamilan ialah tidak datang haid mengikut kitaran yang biasa berlaku pada seseorang. Antara tanda-tanda awal yang lain ialah rasa loya dan muntah-muntah. Rasa pening sahaja atau bercampur dengan muntah dialami oleh kira-kira 75% wanita hamil. Punca utama ialah kerana pertambahan hormon perempuan (iaitu estrogen dan progesteron) namun kadang-kadang disebabkan faktor psikologi. Simptom lain yang biasa dilihat juga ialah mengalami keletihan, mengantuk dan kerap kencing.

⁷⁴ Menurut pendapat Ibn ‘Abbās, al-Ḍahāk dan Qatādah. Juga bermaksud kelemahan semasa nifas. Lihat Abī Hayyān al-Andalūsī al-Ğarnāṭī, Muḥammad b. Yūsuf (1992), *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr*, j. 8. Beirut: Dār al-Fikr, h. 413.

Selepas beberapa bulan (4 hingga 5 bulan), fizikal akan berubah seperti perut semakin membesar, air dalam tubuh tertahan⁷⁵ dan berat badan bertambah. Emosi pada masa ini semakin stabil dan tenang kerana tahap hormon perempuan yang tinggi. Pertambahan kadar hormon tersebut boleh mengurangkan kadar hormon *noradrenaline* yang mana menyebabkan sesetengah wanita hamil merasa amat tertekan.

Saat terakhir kehamilan akan menyaksikan payu dara yang semakin besar kerana penghasilan susu untuk bayi yang bakal lahir. Tendangan bayi akan menyakiti perut serta menyebabkan pening, mengganggu tidur dan aktiviti seks yang tidak selesa.⁷⁶ Rasa sukar bernafas kerana tumbesaran bayi mengambil ruang yang banyak di bahagian abdomen dan sebahagian wanita mendapat tekanan darah tinggi serta penyakit kencing manis.

c. Masalah Kelahiran

Allah S.W.T yang Maha Mengetahui telah memaklumkan kepada kita tentang kesukaran wanita yang melahirkan anak melalui firmanNya:

وَوَصَّيْنَا إِلَيْنَا إِنْسَانَ بِوْلَدِهِ إِنْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْنَاهَا وَوَضَعَتْهُ كُرْنَاهَا

Maksudnya:

Kami telah memerintahkan manusia (*supaya*) berbuat baik kepada dua ibu bapanya, ibunya telah bersusah-payah mengandung dan melahirkannya.

Surah al-Ahqaf (46): 15

⁷⁵ J.H Green (1989), *op.cit.*, h. 179

⁷⁶ Donald Roy Morse dan M.Lawrence Furst (1982), *op.cit.*, h. 161- 163

Kesakitan yang dialami semasa hendak melahirkan anak menakutkan hampir keseluruhan wanita yang pernah bersalin. Namun terdapat sebahagian wanita yang merasa relak dan tidak mengalami kesakitan yang serius disebabkan oleh hormon *beta endorphin* di dalam plasenta. Hormon ini berfungsi mencegah rasa sakit (*analgesic:pelali*) dan bimbang.⁷⁷

Selepas bersalin, wanita sering mengalami tekanan mental dan perasaan yang dikenali sebagai *postpartum depression*. Antara faktor penyebab ialah penurunan kadar hormon estrogen dan progesteron, kesakitan yang dialami akibat bersalin, perasaan tanggungjawab yang amat berat untuk memenuhi keperluan bayi, tiada persediaan untuk menyambut serta menguruskan bayi, masalah seks dengan suami, kurang kerjasama dan perhatian daripada suami dan wanita itu sendiri merasa tidak stabil.⁷⁸ Tekanan perasaan yang hebat biasanya di alami sepanjang tempoh nifas.

d. Menopause

Pada usia lewat 40 an atau awal 50 an, kaum wanita biasanya akan mengalami *menopause* iaitu salah satu tempoh masa yang memberi tekanan hebat kepada mereka. Pada masa ini mereka tidak lagi didatangi haid dan tidak dapat mengandung lagi. Tempoh tekanan ini diberi nama '*menopausal syndrome*' dan '*climacteric syndrome*'.

⁷⁷ *Ibid.*, h. 163

⁷⁸ *Ibid.*, h. 164

Antara tanda-tanda yang dapat dilihat ialah: rasa bimbang, tekanan jiwa, rasa hina diri dan putus harapan, insomnia (susah tidur), mudah lupa, rasa panas di muka, berdebar-debar, berpeluh, sakit kepala dan badan. Kesan lain yang dapat dirasai ialah kadar keinginan seksual dan berat badan sama ada semakin meningkat atau menurun serta mengalami osteoporosis. Bagi wanita yang merasa keinginan seksnya semakin meningkat akan mendapat tekanan lain pula: iaitu mereka fikir sepatutnya mereka tiada lagi keinginan seks di usia sebegini. Faktor-faktor lain yang dianggap ada hubungan dengan '*menopausal syndrom*' ialah berjauhan dengan anak-anak ('*empty nest*' syndrome), menjaga suami yang sakit, menjadi janda dan berhenti kerja.

Sebahagian punca kepada kesan fisiologi dan psikologi yang dialami ialah kerana penurunan kadar rembesan hormon estrogen dan progesteron oleh ovari. Kandungan darah di dalam hormon perempuan, hormon perangsang folikel (FSH: follicle stimulating hormone) dan hormon pengluteinan (LH: luteinizing hormone)⁷⁹ meningkat dan mencapai tahap maksimum 2 hingga 3 tahun selepas menopause. Peningkatan hormon-hormon tersebut akan menyebabkan rasa panas pada muka dan berpeluh.⁸⁰ Perubahan hormon akan memberi kesan kepada perubahan mood, rasa bimbang dan tekanan jiwa kepada sebahagian wanita. Kajian menunjukkan penurunan kadar estrogen semasa menopause berkait dengan penurunan *asid amino tryptophan* di dalam darah. Tryptophan memberi kesan kepada rasa bimbang dan sugul.⁸¹

⁷⁹ J.H Green (1989), *op.cit.*, h. 173

⁸⁰ Donald Roy Morse dan M.Lawrence Furst (1982), *op.cit.*, h. 180-181

⁸¹ *Ibid.*, h. 182

Kesimpulannya kemuraman yang dialami oleh kaum wanita bukan sahaja diakibatkan oleh faktor luaran sahaja bahkan faktor fisiologi turut memberi kesan.

3.3. Perbezaan Antara Lelaki Dan Wanita Secara Umum

- 1. Tindakbalas lelaki lebih pantas:** Kajian Psikologi di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa lelaki lebih peka dan seterusnya bertindak pantas sekiranya bahaya melanda.⁸² Namun kadang-kadang wanita di dapati lebih peka dengan keadaan sekeliling terutama yang berkaitan dengan anak-anaknya.
- 2. Kesan emosi:** Wanita mudah terpengaruh dengan sesuatu yang dilihat dan didengar kerana lebih menjiwai serta cepat dalam memberikan respon. Sedangkan lelaki lebih sabar, tabah dan mempunyai perasaan yang halus ketika suka atau duka. Perkara ini berlaku kerana akal perempuan yang lemah dan lebih banyak dikuasai emosi. Oleh sebab itu jugalah wanita seringkali berfikir berdasarkan perasaan berbanding lelaki yang lebih melihat kepada hakikat sesuatu perkara secara lojik.⁸³
- 3. Kekuatan pancaindera:** Pancaindera lelaki lebih kuat (peka) dari pancaindera wanita. Oleh itu lelaki mempunyai lebih kemampuan dari wanita ketika melihat hakikat sesuatu benda.⁸⁴
- 4. Kekuatan fizikal:** Nisbah kekuatan lelaki dan wanita ialah nisbah 9:5.⁸⁵

⁸² Hash Hassan, ‘15 Rahsia Tubuh Lelaki: Apa Wanita Perlu Tahu?’ Majalah *nona*. Jun 2001, h. 68.

⁸³ Daud Bin Mohd Salleh (Ustaz)(2000), *op.cit.*, h. 25-26.

⁸⁴ *Ibid.*, h. 25 & 26.

⁸⁵ *Ibid.*, h. 26.

- 5. Lelaki Kurang Bercakap:** Lelaki bercakap pada perkara penting sahaja berbanding wanita.⁸⁶
- 6. Wanita lebih sabar:** Wanita lebih sabar dari lelaki dalam hal rumah tangga dan urusan hadanah (penjagaan bayi) kerana sifat-sifat semulajadinya.
- 7. Kemahiran:** Lelaki lebih berkemahiran dari wanita dalam setiap pekerjaan yang dilakukan apabila mereka memberikan penumpuan kepada perkara tersebut sekalipun perkerjaan tersebut biasanya dilakukan oleh wanita. Contoh yang dapat dilihat ialah dalam bidang memasak, jahitan dan perbidanan.⁸⁷
- 8. Kepimpinan dan kecendikiawan:** Lelaki lebih mampu mengetuai sesuatu pekerjaan dan lebih cekap dalam menguasai ilmu pengetahuan. Oleh sebab itulah Allah S.W.T tidak mengutuskan seorang rasul dari kalangan wanita.

3.4. Fakta Anatomi Terhadap Perbezaan Lelaki Dan Wanita

Fakta anatomi menunjukkan bahawa kemampuan lelaki tidaklah sama dengan wanita. Natijahnya wujud perbezaan fungsi dan peranan antara mereka. Jadual di bawah ini menerangkan sebahagian perbezaan yang wujud antara lelaki dan wanita.

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ Kenyataan ini boleh dilihat pada realiti semasa seperti chef-chef (pakar memasak) yang sering muncul di televisyen dan bekerja di hotel-hotel kebanyakannya lelaki. Begitu juga dengan pereka-pereka fesyen yang masyhur juga lelaki. Dalam hal perbidanan Prof.Dr Hamid Arsyad menjadi lelaki Melayu pertama yang menguasai kepakaran perbidanan.

Bil	Lelaki	Wanita
1	Kehilangan mineral terutamanya garam kalsium daripada tulang berlaku selepas usia 60 tahun ⁸⁸	Berlaku selepas usia 40 tahun. Oleh itu mereka lebih terdedah kepada gejala osteoporosis. ⁸⁹
2	Secara umumnya struktur tulang lebih kuat dan besar ⁹⁰	Pelvis lebih lebar dan cangkat serta lebih terdedah di bahagian bawah. Tulang-tulangnya adalah lebih nipis dan tanda-tanda lekuk di permukaannya adalah kurang daripada lelaki. ⁹¹
3	Uretra berukuran kira-kira 20 cm panjang serta mempunyai 3 bahagian iaitu prostat, membranus dan spongiosa ⁹²	Uretra berukuran 4 cm panjang serta tidak mempunyai bahagian prostat dan spongiosa
4	Secara ringkas sistem pembiakan terdiri daripada testis yang menghasilkan sperma dan hormon testosteron dan inhibin ⁹³	Terdiri daripada ovarii (rahim) yang menghasilkan ovum dan hormon estrogen, progesteron dan relaksin
5	Mempunyai 2 kromosom iaitu X dan Y	Satu kromosom sahaja iaitu X
6	Lelaki sederhana mempunyai lima liter bekalan darah dalam tubuhnya. Setiap liter darah lelaki mengandungi 650 juta sel darah merah. ⁹⁴	Darah kurang 10% berbanding lelaki serta mengandungi 500 juta sel darah merah

⁸⁸ Abdul Hamid Abdul Rashid (1992), *Anatomia Umum*. Kuala Lumpur: DBP, h. 36.

⁸⁹ Majalah *nona*., Jun 2001, h. 68.

⁹⁰ Abdul Hamid Abdul Rashid (1992), *op.cit.*, h. 39

⁹¹ Mohammed Ali Albar (Dr) (1992), *op.cit.*, h. 40

⁹² Abdul Hamid Abdul Rashid (1992), *op.cit.*, h. 137

⁹³ *Ibid.*, h. 154

⁹⁴ Majalah *nona*., Jun 2001, h. 68.

7	Organ-organ pernafasan lebih kuat kerana saiznya yang lebih besar dan berat. ⁹⁵	Hati dan paru-paru lebih kecil menyebabkan kemampuan keduanya juga kurang bagi menstabilkan hasil pengkadaran yang khas untuk melatih otot-otot. ⁹⁶ Hati (jantung) lebih kecil dan ringan di dalam kadar 60 gram. ⁹⁷
8	Mampu membakar 11 gram karbon sesaat.	Suhu kepanasan badan menurun selepas baligh kerana hanya mampu membakar 6 gram sesaat. ⁹⁸ Fakta ini menunjukkan kelemahan wanita dari segi mental.
9	Kelima-lima deria wanita lebih lemah dari lelaki. Kelima-lima deria manusia menentukan intelek dan penyuburan mental. Oleh sebab itu deria mental wanita adalah lebih lemah. ⁹⁹	
10	Saiz dan rupa bentuk otak tidak sama dengan wanita. Purata berat otak lelaki adalah lebih 100 dram daripada otak wanita. Faktor ini menentukan sama ada lemah atau pintarnya manusia dalam memahami sesuatu perkara. ¹⁰⁰	
11	Pembentukan otot-otot lebih cepat dan lebih besar dan kuat ¹⁰¹ walaupun jumlahnya sama dengan wanita iaitu kira-kira 600. ¹⁰²	

⁹⁵ Daud Bin Mohd Salleh. (Ustaz)(2000), *op.cit.*, h. 25

⁹⁶ *Ibid.*, h. 22

⁹⁷ *Ibid.*, h. 25

⁹⁸ *Ibid.*

⁹⁹ Afzalur Rahman (1994), *op.cit.*, h. 70

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ Daud Bin Mohd Salleh. (Ustaz)(2000), *op.cit.*, h. 21

¹⁰² Majalah *nona*., Jun 2001, h. 68.

3.5. Kesimpulan

Pembicaraan Allah S.W.T mengenai fitrah kejadian manusia di dalam al-Quran telah berjaya dibuktikan secara saintifik oleh para saintis seperti Maurice Bucaille, Dr. Mohammed Ali Albar dan lain-lain pakar secara tidak langsung. Hasil penelitian yang dibuat menyaksikan bahawa perbezaan antara jantina lelaki dan wanita amatlah dramatik bermula dari sel benih yang kecil di alam rahim sehingga dewasa dari aspek fizikal dan psikologi sehinggakan bercanggah dengan naluri sekiranya mereka dibebankan dengan tanggungjawab yang sama. Penemuan saintifik ini membuktikan lagi kesempurnaan, kerelevan dan keadilan ajaran Islam yang konsisten dengan fitrah kejadian manusia. Sekaligus menangkis pandangan prejedis terhadap hak-hak wanita di dalam Islam. Topik di atas juga begitu signifikan dengan fokus penulisan ini iaitu kesaksian wanita.